


Perpustakaan Negara Malaysia
National Library of Malaysia

Laporan Tahunan 2000
Annual Report

LAPORAN TAHUNAN 2000 ANNUAL REPORT



<http://www.pnm.my>

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
2000



KUALA LUMPUR
2001

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia.-1985-.

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-.

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. National libraries--Malaysia. 2. Corporation reports. I. Judul.

027.5595

© Perpustakaan Negara Malaysia

kandungan

Falsafah Korporat	4
Tujuan	5
Carta Organisasi	6
Lembaga Penasihat	7
Jawatankuasa Penasihat	8
Kumpulan Pengurusan	12
Pencapaian Tahun 2000	13
Peristiwa Penting Tahun 2000	17
Sumber Perpustakaan	19
Perkhidmatan Maklumat	22
<i>Maklumat Malaysiana</i>	22
<i>Maklumat Global</i>	23
<i>Manuskrip Melayu</i>	24
<i>Gerakan Membaca</i>	24
Pendokumentasian dan Pangkalan Data	28
Teknologi Maklumat	29
Pemuliharaan dan Reprograf	31
Pembangunan dan Penyelidikan Perpustakaan	32
<i>Prasarana Perpustakaan</i>	32
<i>Khidmat Nasihat / Perundingan</i>	34
<i>Penyelidikan Perpustakaan</i>	36
Perkhidmatan Sokongan	38
<i>Pentadbiran dan Kewangan</i>	38
<i>Program Kualiti</i>	39
<i>Pembangunan Sumber Manusia</i>	42
<i>Promosi</i>	44
Kerjasama Perpustakaan	47
<i>Peringkat Kebangsaan</i>	47
<i>Peringkat Serantau dan Antarabangsa</i>	49
Penerbitan	51
Penulisan	52
<i>Kertas Kerja/Artikel/Ulasan Buku</i>	52
Kebajikan dan Sukan	53



FALSAFAH

Membina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.

WAWASAN

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara perindustrian yang maju.

MISI

Mempastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui prasarana perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara.

PENUBUHAN

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ianya ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara (Akta 80) 1972. Akta ini telah dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

TUJUAN

Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sepertimana yang diperuntukkan di Bahagian II Seksyen 3 Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 adalah seperti berikut:

- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (b) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri, dan;
- (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.


AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986

Perpustakaan Negara Malaysia juga merupakan agensi pelaksana Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (menggantikan Akta Pemeliharaan Buku 1966). Akta ini menyenaraikan maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara seperti berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi pemeliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- (b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan;
- (c) untuk menyelenggarakan rekod-rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

CARTA ORGANISASI 2000



LEMBAGA PENASIHAT



Pengerusi

1



2



3



4



5



6



7



8



9

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 [Akta 80] Bahagian III Section 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ini berperanan untuk memberi nasihat kepada Jabatan berhubung dengan kemajuan dan pembangunan perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia dan seluruh negara.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

1. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba (*Pengerusi*)
2. Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi
3. Y.B. Puan Ainon Khariyah Dato' Mohd Abas
4. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had bin Salleh
5. Y.Bhg. Dato' Lee Lam Thye
6. Y.Bhg. Datuk A. Kadir Jasin
7. Y.Bhg. Puan Azah Aziz

Ex-Officio

8. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan
Malaysia
9. Y.Bhg. Cik Shahar Banun Jaafar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT

■ Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat

Dalam tahun 2000 Perpustakaan Negara Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pustakawan kanan yang berpengalaman, pensyarah kanan di institusi pengajian sains perpustakaan dan maklumat di samping pegawai-pegawai dari Jabatan Perangkaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 30 September 2000. Mesyuarat telah membincangkan perkara berikut:

- Objektif Jawatankuasa
- Terma Rujukan Jawatankuasa
- Cadangan Projek-projek Penyelidikan
- Modus Operandi Jawatankuasa bagi mempertimbangkan kelulusan cadangan

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Cik Shahar Banun Jaafar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Naib Pengerusi

Puan Zawiyah Baba
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Y.M. Prof Madya Dato' Paduka Dr. Raja Abdullah bin Raja Yaacob
Dekan, Fakulti Pengajian Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Prof. Madya Dr. Ahmad Bakeri bin Abu Bakar
Ketua Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat
Universiti Islam Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Diljit Singh
Timbalan Dekan (Pembangunan)
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

Prof. Dr. Halimah Badiozaman
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Datin Paduka Shahaneem Hanoum
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton Osman
Ketua Pustakawan
Universiti Malaya

Y.Bhg. Datin Mardhiah Mohd. Zain
Ketua Pustakawan, Pusat Maklumat Sawit
Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia

Encik Ho Siow Keng
Ketua Bahagian Pembangunan Perangkaan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dr. Amir Salleh
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cik Suscelah Fonseka
Penolong Pengarah Sektor Pembangunan dan
Penggunaan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha

Puan Siti Aishah Sheikh Kadir
Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

■ Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan

Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai Urus Setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan selepas mengambil alih fungsi sebagai Urus Setia daripada Dewan Bahasa dan Pustaka menjelang akhir tahun 1991. Urus Setia ini diletakkan di bawah Bahagian Gerakan Membaca untuk mengkoordinasikan aktiviti galakan membaca pada masyarakat Malaysia di peringkat kebangsaan.

Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan ahlinya terdiri dari Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Menteri Pendidikan Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia/
Pengerusi MBKM

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Sembilan

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Pahang

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perak

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Pulau
Pinang

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sabah

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Terengganu

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Wilayah
Persekutuan

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Johor

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Kedah

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Kelantan

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Melaka

Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar Sarawak

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Pengarah Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia

Presiden Persatuan Pembacaan Malaysia

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia

Presiden Persatuan Pengimport Buku Malaysia

Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd.

Pengarah Urusan The New Straits Times Press (M) Sdn. Bhd.

Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad

Urus Setia:

Bahagian Gerakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia

■ Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu

Sepanjang tahun 2000, Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 8 April 2000 dan 14 Oktober 2000. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Omar bin Mohd. Hashim. Mesyuarat telah membincangkan pelbagai perkara berkaitan dengan aktiviti Pusat Manuskrip Melayu.

8 April 2000

- ◆ Pengesanan dan pendokumentasian manuskrip Melayu di Australia
- ◆ Terbitan *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*
- ◆ Akaun Amanah Manuskrip Melayu
- ◆ Promosi manuskrip Melayu melalui media
- ◆ Terbitan risalah *Mengenali Warisan Ilmu Melayu*

14 Oktober 2000

- ◆ Projek pengesanan manuskrip Melayu di Pahang
- ◆ Pendigitan *Hukum Kanun Melaka (MSS 23)*

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Hj. Omar bin Mohd. Hashim

Timbalan Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd. Taib bin Osman

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abu Hassan bin Mohd. Sham
Universiti Malaya

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari Lubis
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Halimah Hassan
Universiti Putra Malaysia

Puan Rahani Jamil
Wakil Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

Puan Che' Puteh Ismail
Wakil Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Malaya

Puan Hajah Zaliha Sharif
Wakil Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Encik Mohd. Ghazali bin Abdullah
Wakil Setiausaha Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Puan Zawiyah Baba
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat
Pengarah Pusat Penyerahan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Datin Siti Mariani S.M.Omar
Pengarah Pusat Manuskrip Melayu

■ Jawatankuasa Penasihat Khidmat Sumber Media

Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Khidmat Sumber Media bagi tahun 2000/2002 telah mula berkuatkuasa mulai 1 Julai 2000. Dalam tahun 2000, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada 14 Mac 2000, 21 Jun 2000 dan 3 Oktober 2000. Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara berikut:

14 Mac 2000

- ◆ Filem mengenai Malaya semasa pendudukan Jepun.
- ◆ Filem mengenai Malaya yang ada di dalam koleksi BFI National Film and Television Archive, London.

21 Jun 2000

- ◆ Projek Penubuhan Pusat Hypermedia Belia sumbangan Yayasan Felda.
- ◆ Bahan audio visual mengenai acara sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam koleksi Majlis Sukan Negara (MSN).
- ◆ Bahan audio visual yang dikeluarkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- ◆ Cadangan perolehan mesin Betacam oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

3 Oktober 2000

- ◆ Koleksi peribadi Baharuddin Hj Ali.
- ◆ Projek penerbitan Video Situational English.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi
Y.Bhg. Prof Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid

Ahli Jawatankuasa
Prof. Madya Dr. Abdul Rahim bin Mohd. Saad
Universiti Utara Malaysia

Puan Zawiyah Binti Baba
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Encik Mustapha Azahari Bin Maarof
Setiausaha
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia

Y.M. Raja Khairul Azman bin Raja Abdul Karim
Ketua Pengarah
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Encik Mustapha Maarof
Warna Motion Pictures & Marketing Sdn Bhd

Encik Manisegaran a/l Amasi
Penolong Pengarah Bahagian Hak Cipta
Bahagian Harta Intelektual
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Y.M. Raja Rozaimie Dalnish bin Raja Dalnish Shah
Ketua Pengarah
Filem Negara Malaysia

Puan Syerifah Norihan bt Syed Salleh
Pengawal Unit Dokumentasi
Radio Televisyen Malaysia

Encik Pancha Charam Nalliah (Pansha)
Bendahari
Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Malaysia

Encik Sandy Monteiro
Pengurus Besar, Recording Industry Malaysia (RIM)

Puan Hajjah Hamidah binti Baba
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Puan Salimah binti Abd Rahman
Pemangku Pengarah Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia

KUMPULAN PENGURUSAN

1. **Ketua Pengarah**
Cik Shahar Banun Jaafar
2. **Timbalan Ketua Pengarah**
Puan Zawiyah Baba
3. **Pengarah Perkhidmatan Sokongan**
Puan Zawiyah Baba
(sehingga 30 Jun 2000)
Puan Norpishah Mohd. Noor
(menanggung kerja mulai 1 Julai 2000)
4. **Pengarah Bahagian Pembangunan**
Puan Norpishah Mohd. Noor
5. **Pengarah Pusat Penyerahan Negara**
Dr. Hj. Wan Ali bin Wan Mamat
6. **Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana**
Puan Siti Zakiah Aman
7. **Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**
Encik So'ot Mohamed Yassin
8. **Pengarah Bahagian Gerakan Membaca**
Puan Primalani M.Kukanesan
9. **Pengarah Bahagian Terbitan Bersiri**
Puan Carole Ann Goon
10. **Pengarah Bahagian Latihan**
Puan Saonah Shairi
(menanggung kerja mulai 15 Februari 2000)
Puan Sharozat Ibrahim
(cuti belafar mulai 1 Disember 1999)
11. **Pengarah Pusat Manuskrip Melayu**
Datin Siti Mariani S.M. Omar
12. **Pengarah Bahagian Khidmat Teknik**
Cik Nafisah Ahmad
13. **Pengarah Bahagian Rujukan Umum**
Puan Saonah Shairi
14. **Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi**
Cik Salbiah Mohammad Yusof
15. **Pengarah Bahagian Sumber Media**
Puan Salimah Abdul Rahman
(menanggung kerja mulai 11 Februari 2000)
16. **Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan**
Puan Siti Aishah Sheikh Kadir
17. **Ketua Bahagian Hal Ehwal Korporat**
Puan Rihanun Md. Samin
18. **Pengarah Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat**
Encik Mohd Azri Ramli
(menanggung kerja mulai 1 April 2000)



1



2 & 3



4



5



6



7



8



9



10 & 13



11



12



14



15



16



17



18

PENCAPAIAN TAHUN 2000

Sepanjang tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah meneruskan usahanya untuk memberi kepimpinan dalam pengurusan sumber ilmu dan pembangunan perpustakaan di seluruh negara. Usaha untuk memperkukuhkan koleksi kebangsaan mengandungi pelbagai jenis sumber ilmu bertujuan untuk membekalkan ilmu agar ianya dapat diguna dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sumber Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia mempergiatkan program perolehan koleksi bahan perpustakaan melalui penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*, program pembelian, hadiah dan pertukaran. Pada tahun 2000, sebanyak 63,088 naskhah bahan perpustakaan telah diperolehi dalam pelbagai bidang perkara dan format. Jumlah kumulatif koleksi Perpustakaan Negara Malaysia sehingga akhir tahun 2000 adalah sebanyak 1,578,869 unit bahan, meliputi bahan bercetak, tidak bercetak dan manuskrip Melayu asal.

Bagi memperkukuhkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia ke arah menjadikannya sebagai *Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana*, usaha diteruskan untuk memperolehi koleksi peribadi Y.Bhg. Tan Sri A. Samad Ismail iaitu *Tokoh Wartawan Negara* dan tokoh nasional yang banyak menghasilkan pelbagai karya, khususnya berkaitan bidang kewartawanan. Koleksi ini mengandungi 2,157 unit bahan perpustakaan yang merangkumi koleksi surat peribadi, novel, manuskrip, keratan akhbar, kertas persidangan, tesis, artikel dan gambar yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang dirakam sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an.

Kerjasama Kebangsaan

Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK) telah berjaya menerbitkan *Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia* yang disediakan oleh Jawatankuasa Kecil Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia bertujuan memudahkan pengurusan terbitan Kerajaan Malaysia dan menyeragamkan kaedah mengenal pasti terbitan tersebut. Terbitan ini merupakan panduan dan rujukan utama kepada agensi Kerajaan yang mengeluarkan atau menerbitkan terbitan dan perpustakaan/pusat maklumat serta agensi lain yang memiliki atau menyimpan terbitan kerajaan Malaysia.

Perkhidmatan Rujukan

Memelihara dan menyediakan akses kepada bahan warisan intelek bangsa merupakan teras utama perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk memainkan peranan sebagai *Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana*. Sambutan ke atas perkhidmatan rujukan daripada pengguna perpustakaan amat menggalakkan. Sebanyak 55,954 pertanyaan rujukan dari pembaca telah berjaya dijawab sementara sejumlah 487,442 unit bahan perpustakaan telah dirujuk oleh pembaca. Sejumlah 369,086 naskhah bahan perpustakaan telah dipinjam melalui perkhidmatan pinjaman pusat, pinjaman berkelompok, pinjaman pos dan pinjaman melalui *Sistem Pembekalan Penerbitan*. Sepanjang tahun 2000 seramai 499,687 orang telah mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia dan seramai 56,028 telah mendaftar sebagai ahli.

Teknologi Maklumat

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan projek pengkomputeran secara perkongsian pintar dengan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan. Projek pertama ialah *Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)*. Ia merupakan projek usahasama dalam perkongsian sumber ilmu di kalangan sektor perpustakaan, Multimedia Development Corporation (MDC) dan Telekom Malaysia. Projek ini akan memberi peluang kepada ahlinya untuk mengakses sumber ilmu dalam bentuk digital dari pangkalan data dalam dan luar negara yang dibina atau dilanggan oleh institusi ahli secara konsortia. Projek ini juga meliputi projek pendigitan sumber ilmu tempatan oleh institusi ahli bertujuan untuk memperkayakan sumber ilmu tempatan di samping memudahkan akses kepada ahli. Projek perintis iaitu laman web yang dinamakan *Mylib* telah dibangunkan untuk tujuan ini. Selain dari itu, penubuhan *Rangkaian Perpustakaan Digital Islam Kebangsaan (PERDIM)* juga telah dikaji oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan usahasama Multimedia Development Corporation serta tujuh buah institusi yang berkaitan dengan Islam iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib Negara Malaysia serta International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). Portal ini bertujuan untuk memastikan ketersediaan sumber rujukan maklumat mengenai Islam yang sahih, komprehensif dan kemaskini. Di peringkat Jabatan pangkalan data yang dapat diakses dalam tahun

2000 ialah BINAR yang mengandungi 278,154 rekod bibliografi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan PANCARAN MENTARI yang mengandungi 41,524 rekod indeks. Kumpulan perbincangan dalam talian atau e-forum *Listserve* diteruskan dan sehingga kini terdapat sebanyak 84 ahli di dalam kumpulan perbincangan di kalangan perpustakaan Jabatan Kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan (*GUNASAMA Listserve*), 38 ahli kumpulan perbincangan perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (*PERPUN Listserve*), serta 18 ahli dalam kumpulan perbincangan mengenai perpustakaan digital (*DIGILIB Listserve*). Penubuhan kumpulan perbincangan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak perpustakaan bertukar maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan berkaitan bidang perpustakaan dan maklumat khususnya.

Program Gerakan Membaca

Bagi menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu, Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan program dan aktiviti galakan membaca sepanjang tahun. Pelaksanaan program dan aktiviti galakan membaca adalah selaras dengan tema Bulan Membaca Kebangsaan iaitu *Membaca Amalan Ceria Anda: Masyarakat Berilmu Pemangkin K-Komuniti dan K-Ekonomi*. Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang *Bulan Membaca 2000* ialah Pameran *Yang Pertama: Pencapaian Kebangsaan Negara*; Seminar Penerbitan: *Ke Arah Pemantapan Kualiti Terbitan Kerajaan*; Wacana Pemikir; *Membangun Tradisi Intelektual Di Malaysia: Antara Realiti dan Cabaran*; Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu; *Seminar Pemantapan Kompetensi Pustakawan Dalam K-Ekonomi* dan beberapa buah bengkel khusus untuk pengguna perpustakaan telah diadakan. Di samping itu juga, sebanyak 27 sesi *Bacaan Kegemaran Saya* iaitu satu program perintis yang bertujuan untuk mempopularkan pembacaan di kalangan rakyat Malaysia dengan menggalakkan penyertaan orang ramai berkongsi pandangan dengan menceritakan pengalaman berkenaan buku kegemaran mereka. Di bawah Program Gerakan Membaca Kebangsaan, sebanyak RM300,000 telah diagihkan untuk pembelian bahan bacaan yang disumbangkan kepada 46 penempatan orang asli, Felda, penjara, Pusat Pemulihan dan Perlindungan dan Pusat Serenti di Malaysia. Di samping itu juga, sebanyak RM130,000 telah dibelanjakan untuk menjayakan Pertandingan Perpustakaan Keluarga di 13 buah

negeri di Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah bekerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan di dalam *Bengkel Pembacaan Melalui Wayang Kulit* dengan menyumbang sebanyak RM20,000 terhadap projek tersebut.

Program Kualiti

Perpustakaan Negara Malaysia telah lulus Audit Pematuhan MAMPU bagi pelaksanaan MS ISO 9002 dan diperakukan untuk pensijilan MS ISO 9002 bagi proses utama penubuhan Koleksi Negara pada 14 Disember 2000. Jabatan Perpustakaan Negara seterusnya bercadang untuk meluaskan pelaksanaan standard ini kepada lain-lain proses perpustakaan.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 1999 telah diadakan pada 14 November 2000 dan seramai 14 orang pegawai dan staf Jabatan dari pelbagai kategori berjaya menerima anugerah perkhidmatan cemerlang Jabatan.

Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Arshad bin Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sempena dengan Minggu Kualiti tersebut, tema bertajuk *Komitmen Teguh Kualiti Utuh* telah dipilih sebagai tema Minggu Q tahun 2000. Pelbagai aktiviti Q telah diadakan bagi mengingatkan warga Jabatan tentang pentingnya amalan kualiti dalam tugas seharian. Di antara aktiviti ini ialah seminar mengenai pembudayaan Q di mana beberapa wakil Institusi yang telah berjaya menerima MS ISO 9002 dijemput untuk memberi taklimat serta bertukar pendapat dan pengalaman mereka.

Pembangunan Sumber Manusia

Sistem Pengurusan Personel (SISPEN) yang mengandungi beberapa modul berkaitan dengan urusan perkhidmatan dan latihan/kursus personel Jabatan telah digunapakai di Jabatan dan rekod personel telah berjaya diinput ke dalam sistem ini.

Bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota perpustakaan, program latihan yang dirancang telah dijalankan. Pada tahun 2000, sebanyak 13 kursus/bengkel dan 5 ceramah telah dapat dikendalikan untuk pegawai ikhtisas. Sebanyak 15 kursus/bengkel pula telah berjaya diadakan untuk manfaat staf sokongan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia. Di samping itu juga, seramai 11 orang pegawai telah berpeluang mengikuti kursus dan persidangan di luar negara.

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah berjaya menganjur dua program latihan melibatkan peserta dari negara-negara membangun dari Asia dan Afrika. Program *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) dikendalikan pada bulan Julai dan September, 2000. Peserta diberi pendedahan berhubung dengan pengurusan perpustakaan melalui ceramah dan lawatan ke beberapa jenis perpustakaan di Malaysia.

Pembangunan Perpustakaan

◆ *Pembangunan Prasarana Ilmu dan Maklumat*

Pada tahun 2000, sejumlah RM22.74 juta telah dibelanjakan dari peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan 63 buah pelbagai jenis perpustakaan di seluruh negara. Sebanyak 5 buah perpustakaan bergerak multimedia telah mula dibina bagi merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Usaha memperbanyakkan lagi perpustakaan di seluruh negara telah memberi peluang yang lebih baik kepada seluruh rakyat Malaysia untuk mengakses sumber ilmu dan menguasai ilmu IT. Bagi memantau pelaksanaan projek pembangunan tersebut, Mesyuarat Penyelaras Perpustakaan Awam Negeri dengan Perpustakaan Negara Malaysia diadakan sebanyak dua kali dalam tahun 2000.

◆ *Khidmat Nasihat*

Sebanyak 40 buah institusi telah diberi khidmat nasihat untuk meningkatkan dan menubuhkan perpustakaan sepanjang tahun 2000. Ini termasuk jabatan kerajaan, swasta, badan berkanun dan persatuan. Suatu persidangan kebangsaan mengenai *Garis Panduan Perpustakaan Khusus* telah diadakan di Pulau Pinang pada 13 April 2000 bagi membincangkan draf garis panduan yang disediakan. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 100 peserta dari pelbagai Jabatan Kerajaan.

Promosi/Pameran

Sepanjang tahun 2000, sebanyak 7 pameran telah diadakan untuk menarik minat orang ramai mengunjungi perpustakaan. Pameran telah diadakan di ruang pameran, Anjung Malaysiana, di kawasan luar Auditorium dan juga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Di antara pameran yang telah diadakan ialah pameran *Yang Pertama: Pencapaian Kebangsaan Negara* (1 Ogos – 30 Ogos 2000), *Pameran Penulis dan Karya* (24 Mei 2000 - 25 Mei 2000), *Pameran Chile Indigena* (8

Jun - 30 Jun 2000), *Pameran Mini Hasil Seni Tangan Pelajar Pra Sekolah* pada 23 September 2000, *Pameran Inovasi Perpustakaan Di Rumah* dan *Pameran Manuskrip Melayu* dari 20 Oktober hingga 30 Oktober 2000. Dalam memupuk kerjasama dengan media massa, liputan dan rencana khas telah disiarkan di dalam suratkhbar dan majalah mengenai pameran ini. Di antara topik rencana ialah mengenai hakcipta sedunia, pelancaran buku wartawan terkenal A. Samad Ismail atau Pak Samad dan bicara buku *Orang Biasa DiRaja* oleh Y.Bhg. Dato' Hashim Sam Abdul Latiff, bekas Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia.

Lawatan

Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima seramai 3,045 pelawat sepanjang tahun 2000. Ia terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah dan maktab, jabatan kerajaan, swasta, badan berkanun, persatuan dan pelancong. Di antara orang kenamaan yang telah mengunjungi perpustakaan ialah Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, Menteri Pendidikan Malaysia, Y.Bhg. Tan Sri Ahmad Sarji selaku Pengerusi Kelab Harvard Malaysia, Dr. Marco T. Corbeso, Duta Ecuador ke Malaysia, Encik K.Kesavathay, Pesuruhjaya Tinggi Singapura, Prof. Dr. Sharifuddin Ahmad, Director, National Library of Bangladesh, Y.B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penerbitan

Beberapa terbitan telah berjaya diterbitkan sepanjang tahun 2000 iaitu:

- ◆ *Bibliografi Koleksi Sudut Harvard*
- ◆ *Bacaan Kegemaran Saya/My Favourite Read*
- ◆ *Chile Indigena – Katalog Pameran*
- ◆ *Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia* oleh Jawatankuasa Kecil Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia
- ◆ *Panduan Sumber Rujukan Malaysiana: Directory of Reference Sources of Malaysia, 2000*
- ◆ *Artikel Majalah/Suratkhbar Luar Negara mengenai Malaysia Bil. 1-7*
- ◆ *Perkhidmatan Halaman Kandungan Majalah Terkini Bil. 1-5*
- ◆ *Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia=Annual Report 1999*
- ◆ *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Anthropologi* oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi
- ◆ *Sekitar Perpustakaan Bil. 30, 2000 dan Bil. 31, 2000*

- ◆ *Pustaka: Buletin Perpustakaan Negara Malaysia, Bil. 1/2000 dan Bil. 2/2000*
- ◆ *Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang (CD-ROM Multimedia)*
- ◆ *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi PNM*
- ◆ *Risalah Mengenal Warisan Ilmu Melayu*
- ◆ *Jurnal Filologi Melayu, Jilid 8*

Hubungan Kerjasama

Tiga buah pusat sumber Malaysia telah ditubuhkan di luar negara iaitu di *Royal Institute of Linguistics and Anthropology (KITLV)* pada tahun 1996, Leiden, Netherlands; *University of Ohio*, Athens, USA pada tahun 1995 dan di *University of Victoria*, Wellington, New Zealand pada tahun 1999. Kesemua pusat sumber ini diwujudkan untuk menyokong penubuhan *Kursi Pengajian Melayu* dan *Kursi Tun Abdul Razak* serta menyokong pengajian mengenai Malaysia yang ditawarkan di institusi tersebut. Pada tahun 2000, sebanyak 996 bahan perpustakaan mengenai Malaysia termasuk mikrofilem telah dihantar kepada ketiga-tiga institusi tersebut.

The Japan Foundation telah menyumbangkan sebanyak 57 naskhah bahan bacaan bernilai Yen 549,770 di bawah *The Japan Foundation Library Support Programme* kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menyelaraskan projek-projek perpustakaan bagi pembinaan kandungan tempatan yang dikemukakan di bawah Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS), Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) yang berurus setia di MIMOS Bhd. Lapan projek perpustakaan telah disenarai pendekkan untuk tujuan di atas. Bengkel khas telah dikendalikan oleh MIMOS Bhd. pada 16 November 2000 mengenai kaedah menggunakan template bagi permohonan peruntukan kewangan di bawah DAGS.

Esso Malaysia terus memberi sumbangan dan bekerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengendalikan Kem Komputer bagi kanak-kanak orang asli dari 46 penempatan orang asli. Ini merupakan tahun ke-5 Esso Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia bersepakat untuk menjayakan aktiviti ini.

PERISTIWA PENTING TAHUN 2000



27 Januari 2000

Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia bergambar kenangan bersama Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia dan wakil Perpustakaan Awam Negeri semasa Majlis Penyerahan Kunci Bas Perpustakaan Multimedia sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri.



8 Jun 2000

Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Chile Indigena. Bersama-sama beliau ialah Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia (kiri) dan Mr. Julio Mendez wakil Kedutaan Chile.



5 Julai 2000

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ahmad Sarji bin Abdul Hamid menyerahkan cek bernilai RM50,000 kepada Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia sambil diperhatikan oleh Tan Sri Thong Yaw Hong di Majlis Pelancaran Sudut Harvard.



23 Ogos 2000

Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia menganugerahkan cenderamata kepada Puan Sri Zaleha Arshad bagi menghargai penglibatan di dalam program Bacaan Kegemaran Saya sambil diperhatikan oleh Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah.



PERISTIWA PENTING TAHUN 2000



24 Ogos 2000

Para tetamu khas sempena Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Meneliti Jejak Membaharui Babak anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.



29 September 2000

Timbalan Ketua Pengarah, Puan Zawiyah Baba bersama Pengerusi dan Ahli Lembaga Jawatankuasa Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia di Majlis Makan Malam bagi menghargai sumbangan mereka di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.



10 Oktober 2000

Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah sedang menerangkan sesuatu kepada Encik David Lee, Menteri Penerangan dan Kesenian Singapura (kiri) sambil diperhatikan oleh Pegawai Kanan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Singapura di Malaysia semasa lawatan khas ke Perpustakaan Negara Malaysia.



14 November 2000

Dato' Arshad Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti buku Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Ethnis Antropologi karya Abdul Rahman Al-Ahmadi semasa Majlis Perasmian Minggu O Perpustakaan Negara Malaysia sambil diperhatikan oleh Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah dan Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah.



SUMBER PERPUSTAKAAN

Koleksi Sumber Perpustakaan Negara Malaysia diperkukuhkan melalui pelbagai aktiviti perolehan termasuk penyerahan bahan melalui pelaksanaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, pembelian dan hadiah dan pertukaran.

PENYERAHAN DI BAWAH AKTA 331

Pusat Penyerahan Negara bertanggungjawab untuk menguatkuasa *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*. Akta tersebut mewajibkan setiap penerbit di negara ini menyerahkan 5 naskhah bahan bercetak dan 2 naskhah bahan bukan bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk pemeliharaan dan rujukan. Penguatkuasaan Akta ini telah dapat memperkukuhkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia khususnya koleksi Malaysiana bagi menyokong usaha-usaha penyelidikan.

Pada tahun 2000, sebanyak 11,052 judul bahan perpustakaan (211,510 naskhah) telah diterima sebagai bahan serahan di bawah Akta iaitu 9,847 judul bahan bercetak dan 1,205 judul bahan tidak bercetak. Bilangan judul dan naskhah yang diterima adalah seperti di **Jadual I (a)** dan **1 (b)**.


Dari jumlah ini, sebanyak 6,979 judul bahan perpustakaan telah didaftar merangkumi 5,966 judul bahan bercetak dan 1,013 judul bahan tidak bercetak. Bilangan bahan perpustakaan yang didaftar mengikut jenis bahan adalah seperti di **Jadual II & III**.

PEMBELIAN


■ Monograf

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia memperuntukkan sejumlah RM1,323,800.00 untuk pembelian bahan monograf iaitu RM850,000.00 di bawah Belanjawan Mengurus dan RM473,800.00 di bawah Belanjawan Pembangunan. Dari peruntukan ini sebanyak 21,201 naskhah bahan monograf telah dibeli iaitu 17,392 naskhah terbitan Malaysiana dan 3,809 naskhah terbitan bukan Malaysiana. Jumlah bahan tersedia untuk rujukan dan pinjaman pembaca pada tahun 2000 mengikut koleksi adalah seperti di **Jadual IV**, **Jadual V** dan **Jadual VI**.

Jadual I (a)



Jadual I (b)



Jadual II
BILANGAN JUDUL BAHAN
BERCETAK YANG DIDAFTARKAN
UNTUK KOLEKSI NEGARA 2000

Koleksi	Judul	Naskah
Monograf	5,090	25,374
Terbitan Bersiri (judul baru)	590	2,950
Kertas Persidangan	286	10,379
JUMLAH	5,966	38,703

Jadual III
BILANGAN BAHAN TIDAK
BERCETAK YANG DIDAFTAR
UNTUK KOLEKSI NEGARA 2000

Jenis Bahan	Judul	Naskah
Cakera Padat Lagu	192	384
Cakera Padat Dokumentari	67	134
Cakera Padat Video	80	160
Filem	98	214
Kaset Audio	328	676
Kaset Video	23	45
Betacam	219	457
Kit Multimedia	5	10
Disket	1	2
JUMLAH	1,013	2,082

■ Terbitan Bersiri

Peruntukan sejumlah RM393,200.00 telah disediakan dari Belanja Mengurus untuk pembelian bahan terbitan bersiri. Disebabkan perubahan cara pembayaran dalam tahun 2000 hanya RM63,977.00 telah digunakan untuk melanggan terbitan bersiri seperti majalah/jurnal, laporan tahunan, surat khabar dan warta kerajaan dalam bentuk mikrofilem, cakera padat dan dalam talian. Sejumlah RM282,940.79 dari Belanja Pembangunan telah digunakan untuk pemantapan Koleksi Terbitan Bersiri.

Sebanyak 31 judul baru telah dilanggan pada tahun 2000 menjadikan sebanyak 186 judul bagi keseluruhan terbitan bersiri yang dilanggan. Koleksi terbitan bersiri telah bertambah dengan 838 torak mikrofilem surat khabar Malaysiana dan 191 unit cakera padat.

■ Sumber Media


Peruntukan berjumlah RM300,000.00 telah disediakan untuk pembelian bahan sumber media iaitu RM50,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM250,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Sebanyak 837 judul (1,886 unit) bahan sumber media dalam dan luar negara telah diperolehi sepanjang tahun 2000. Di antara bahan sumber media yang diperolehi termasuklah cakera padat audio dan video, cakera padat dokumentari, kaset audio dan video, kit, mikrofilem, mikrofis dan disket.

Jadual IV
Jumlah Bahan Mengikut Koleksi
Tahun 2000


Koleksi	Judul	Naskah
Malaysiana		
● Rujukan	2,544	4,983
● Pinjaman	3,695	12,409
Bukan Malaysiana		
● Rujukan	2,260	2,334
● Pinjaman	913	1,475
JUMLAH	* 9,412	21,201

● Terdapat pertindihan judul di Bahagian Rujukan dan Pinjaman

Jadual V



Jadual VI



Manuskrip Melayu

Peruntukan berjumlah RM280,500.00 telah disediakan untuk memperolehi manuskrip Melayu iaitu RM110,500.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM170,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 251 naskhah manuskrip Melayu dalam bentuk asal telah diperolehi. Di antara manuskrip Melayu penting yang telah diperolehi ialah *Hikayat Ismu Dewa Pekerja Raja*, *Taj al-Salatin*, *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Nazam Adab*. Sebanyak 2 naskhah manuskrip telah diterima sebagai hadiah.

Koleksi Peribadi

Koleksi Malaysia Perpustakaan Negara Malaysia diperkukuhkan dengan perolehan koleksi peribadi Y.Bhg. Tan Sri A. Samad Ismail iaitu tokoh Wartawan Negara yang banyak menghasilkan pelbagai karya khususnya berkaitan bidang kewartawanan. Koleksi ini mengandungi 2,157 unit bahan yang merangkumi koleksi surat peribadi, novel, manuskrip, keratan akhbar, kertas persidangan, tesis, artikel dan gambar yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang dirakam sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an.

HADIAH DAN PERTUKARAN

Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia telah meningkat melalui program hadiah dan pertukaran. Sebanyak 2,857 unit bahan (1,562 judul) telah ditambah kepada jumlah koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, merangkumi 1,923 naskhah bahan monograf, 876 naskhah bahan terbitan bersiri dan 58 unit bahan tidak bercetak. Bahan-bahan yang diterima termasuk sumbangan daripada beberapa institusi

seperti The Japan Foundation, Ohio University, Universiti Putra Malaysia, Ampang Press Sdn. Bhd. dan Universiti Sains Malaysia (dalam bentuk tesis). Sebanyak 6,895 unit bahan lebih telah diagihkan kepada sekolah, pertubuhan dan perpustakaan di bawah Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Sebanyak 1,022 naskhah bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia telah diagihkan kepada 495 buah perpustakaan yang terdiri daripada perpustakaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, perpustakaan khusus dan perpustakaan akademik.

Pusat Penyerahan Terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu

Perpustakaan Negara Malaysia telah dilantik sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1976. Sejalan dengan peranan ini, bahan terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai agensi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu seperti *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)*, *World Health Organisation (WHO)*, *Food and Agricultural Organisation (FAO)*, *United Nations Children's Fund (UNICEF)*, *United Nations Development Programme (UNDP)*, *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)*, *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* dan lain-lain dokumen berkaitan Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Majlis Ekonomi dan Sosial, Majlis Amanah dan Urus Setia Bangsa-Bangsa Bersatu diperolehi secara percuma untuk kemudahan rujukan para penyelidik. Koleksi khas ini ditempatkan di Bilik *United Nations*, Bahagian Rujukan Umum.

PERKHIDMATAN MAKLUMAT

MAKLUMAT MALYSIANA

Pemeliharaan koleksi warisan intelek negara dan memudahkan akses kepada bahan warisan tersebut oleh masyarakat merupakan tanggungjawab Perpustakaan Negara Malaysia. Sehubungan itu, Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan perkhidmatan maklumat Malaysiana yang merangkumi rujukan Malaysiana, terbitan bersiri dan sumber media bagi memenuhi keperluan maklumat mengenai Malaysia.

■ Rujukan Malaysiana

Menyedari betapa pentingnya peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan maklumat yang terbaik mengenai negara ini, Jabatan ini berusaha untuk memantapkan perkhidmatan rujukan Malaysiana ke taraf dunia dan seterusnya menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai **Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana**. Salah satu langkah yang telah diambil untuk tujuan ini ialah mendokumen prosedur perkhidmatan Malaysiana di bawah standard kualiti antarabangsa MS ISO 9000.


Keperluan terhadap perkhidmatan maklumat Malaysiana begitu ketara di mana pada tahun 2000 bilangan pembaca mencapai 40,447 orang dan bahan yang dirujuk sebanyak 214,765 (**Jadual VII**). Sebanyak 15,783 pertanyaan rujukan yang dikemukakan oleh pembaca telah dapat dijawab. Kumpulan utama pembaca terdiri daripada pelajar maktab, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

■ Terbitan Bersiri

Perkhidmatan Terbitan Bersiri Malaysiana menyediakan kemudahan pengaksesan maklumat bahan bersiri Malaysiana dalam bentuk bercetak dan bukan bercetak.

Pada tahun 2000, perkhidmatan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pembaca berdasarkan jumlah pembaca seramai 49,472 orang yang telah menggunakan perkhidmatan ini. Sebanyak 100,177 bahan terbitan bersiri Malaysiana telah dirujuk manakala sebanyak 20,020 pertanyaan rujukan Malaysiana pula telah dapat dipenuhi.

Jadual VII



■ Sumber Media

Pada tahun 2000, sebanyak 14,189 pembaca telah menggunakan perkhidmatan di Bahagian Sumber Media manakala sebanyak 5,904 judul bahan telah dirujuk.

Dalam usaha meningkatkan kemudahan perkhidmatan sumber media kepada pembaca Bahagian Sumber Media telah menyediakan 2 bibliografi khusus iaitu, **Bibliografi Tokoh-Tokoh Tanahair** dan **Bibliografi Tempat-Tempat Menarik di Malaysia**. Di samping itu, disediakan juga senarai judul terpilih koleksi video dan kaset setiap enam bulan dan juga senarai judul baru video yang diterima pada setiap bulan.

MAKLUMAT DUNIA

■ Rujukan Umum

Perkhidmatan Rujukan Umum berperanan sebagai pusat rujukan kebangsaan bagi sumber maklumat sejagat. Bahan rujukan mengenai pelbagai bidang perkara dalam pelbagai bentuk termasuk perkhidmatan elektronik, disediakan agar para penyelidik dapat mengakses pelbagai sumber maklumat global dari luar negara secara berkesan.

Pada tahun 2000, sejumlah 31,040 pembaca telah menggunakan perkhidmatan ini dan merujuk kepada 143,484 bahan perpustakaan. Sejumlah 10,375 pertanyaan rujukan yang diterima secara lisan dan 184 melalui telefon telah dijawab.

◆ Perkhidmatan Maklumat Elektronik

Perkhidmatan maklumat berkomputer disediakan untuk membolehkan para penyelidik mengakses Internet, pangkalan data tempatan dan antarabangsa secara atas talian dan daripada CD-ROM. Pangkalan data yang disediakan termasuk:

- Pangkalan data *GLOBAL ACCESS*, merangkumi pangkalan data dalam talian mengenai maklumat penyelidikan syarikat bagi negara-negara Asia Pasifik;
- *CULTURELINK*, menyediakan akses kepada maklumat di dalam bidang kebudayaan dan penyelidikan yang berkaitan dengan projek-projek kebudayaan dan mempunyai jaringan kepada pangkalan data kebudayaan di seluruh dunia;
- *ENCYCLOPEDIA BRITANNICA ONLINE* mempunyai 3 judul iaitu *Encyclopedia Britannica* dalam teks penuh, *Merriam-Webster's Collegiate* dan *Britannica Book of the Year* dan boleh mengakses sebanyak 130,000 laman web di Internet yang terpilih dan yang telah dikaji oleh pihak Britannica;
- *BOND*, iaitu pangkalan data daripada Perbadanan Produktiviti Negara yang menyediakan satu kriteria pengukuran pencapaian untuk memberi bantuan kepada Syarikat/Organisasi dalam aktiviti *benchmarking* dari seluruh dunia;

- *MASTICLink*, iaitu pangkalan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;
- *SIRIMLINK* menyediakan akses kepada maklumat di dalam bidang piawaian, kualiti, patent dan peraturan yang berkaitan dengan perusahaan; dan
- *PALMOILIS* mengandungi beberapa pangkalan data seperti *Palm Search*, *Palm Client*, *Palm Consult*, *Palm Cook*, *Palm Product*, *Palm Stat (Statistics)*, *Porimtech*, *Bioline* dan *Tasclient*.

Pada tahun 2000, seramai 1,906 para penyelidik telah menggunakan perkhidmatan elektronik ini, iaitu sebanyak 1,753 telah mengakses Internet dan 122 telah menggunakan perkhidmatan cakera padat dan 31 telah menggunakan perkhidmatan pangkalan data dalam talian.

◆ Pempakejan Maklumat

Bagi menampung keperluan maklumat pembaca, Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan perkhidmatan pempakejan maklumat di mana maklumat mengenai sesuatu bidang perkara daripada pelbagai sumber akan dikumpul dan dipakejkan untuk pembaca. Maklumat yang dipakejkan meliputi pelbagai bidang perkara terutama yang berkaitan dengan isu-isu semasa. Sebanyak 41 topik, pempakejan maklumat telah disediakan seperti maklumat mengenai ICT, K-Ekonomi, bangunan bersejarah, kesenian dan biodata tokoh dalam pelbagai bidang.

◆ Perkhidmatan Pakar Pengurusan Maklumat

Perkhidmatan Pakar Pengurusan Maklumat bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan rujukan dan maklumat kepada orang ramai. Seramai 12 orang Pustakawan bergabung tenaga ikhtisas untuk mengendalikan Bilik Pakar Pengurusan Maklumat secara bergilir.

Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Pustakawan dari tiga bahagian perkhidmatan iaitu 2 Pustakawan Bahagian Rujukan Umum, 3 Pustakawan dari Bahagian Rujukan Malaysiana dan 7 dari Bahagian Terbitan Bersiri. Tugas utama Kumpulan Pakar Maklumat ialah mengurus pertanyaan rujukan/perujukan yang diterima melalui telefon, faks, mel elektronik dan yang datang sendiri menyelidik dari bahan bercetak atau melalui Internet.

■ Terbitan Bersiri

Perkhidmatan Terbitan Bersiri Umum disediakan dalam bentuk bercetak dan bukan bercetak. Maklumat boleh dicapai melalui cakera padat seperti General Periodicals Ondisc dan Business Periodicals Ondisc. Melalui perkhidmatan rujukan Terbitan Bersiri Umum, sebanyak 14,332 bahan telah dirujuk dan sebanyak 8,078 pertanyaan rujukan umum telah dapat dipenuhi pada tahun 2000.

■ Sumber Media


Pada tahun 2000, sebanyak 6,627 judul bahan telah dirujuk dan sebanyak 921 pertanyaan rujukan telah berjaya dipenuhi di Bahagian Sumber Media. Program tayangan video dan juga televisyen ASTRO yang meliputi pelbagai program seperti saluran CNN, sukan, Discovery dan National Geographic juga ditayangkan kepada pembaca pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Rangkaian TNT/ Cartoon Network, Discovery dan Disney disalurkan kepada Perpustakaan Kanak-Kanak.

MANUSKRIP MELAYU

Pusat Manuskrip Melayu yang telah ditubuhkan pada tahun 1985 bertanggungjawab untuk membina koleksi manuskrip Melayu, mendokumen, memulihara, menyediakan perkhidmatan dan menyebarkan ilmu yang terkandung di dalamnya melalui pameran dan penerbitan.

Perkhidmatan maklumat yang disediakan di Pusat Manuskrip Melayu berbentuk penyelidikan kerana kebanyakan pengguna terdiri daripada mahasiswa pusat pengajian tinggi yang menjalankan penyelidikan untuk memenuhi keperluan memperoleh ijazah di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Pada tahun 2000, sebanyak 4 tesis peringkat sarjana muda dan 1 tesis peringkat sarjana telah diserahkan kepada Pusat Manuskrip Melayu hasil penyelidikan terhadap koleksi manuskrip Melayu dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan. Pusat Manuskrip Melayu telah memberi perkhidmatan kepada 99 orang penyelidik yang telah merujuk 214 naskhah asal manuskrip Melayu dan 33 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem. Sebanyak 312 pertanyaan rujukan ringkas dan 231 pertanyaan penyelidikan telah diterima dan dijawab seperti di **Jadual VIII**.

Jadual VIII




GERAKAN MEMBACA

Bagi menyokong usaha kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca dan mencintai ilmu, Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan program dan aktiviti galakan membaca. Pelaksanaan program dan aktiviti galakan membaca adalah selaras dengan tema Bulan Membaca Kebangsaan 2000 iaitu ***Membaca Amalan Ceria Anda : Masyarakat Berilmu Pemangkin K-Komuniti dan K-Ekonomi***.

◆ Perkhidmatan Hipermedia Kanak-Kanak

Pusat Sumber Hipermedia menyediakan lima sudut perkhidmatan untuk kanak-kanak iaitu sudut seni, cerita, sains, rakaman kreatif dan muzik. Ia bertujuan untuk meningkatkan kreativiti kanak-kanak menerusi penggunaan komputer. Pada tahun 2000, seramai 172,778 pengguna telah mengunjungi perpustakaan kanak-kanak dan seramai 23,671 kanak-kanak telah menggunakan perkhidmatan ini seperti di **Jadual IX**.

Jadual IX



◆ Program Pengembangan Membaca

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM746,000.00 di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia KeTujuh bagi melaksanakan program dan aktiviti galakan membaca peringkat kebangsaan.

Sebanyak RM300,000.00 telah diagihkan untuk pemberian bahan bacaan kepada beberapa institusi di seluruh Malaysia iaitu seperti berikut:

- 6 penempatan orang asli - RM50,000.00
- 10 penempatan FELDA - RM50,000.00
- 11 Penjara - RM60,000.00
- 8 Pusat Pemulihan dan Perlindungan - RM80,000.00
- 5 Pusat Serenti - RM60,000.00


Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menyumbang sebanyak RM10,000.00 kepada tiap-tiap Perpustakaan Awam Negeri di Malaysia bagi menjayakan Pertandingan Perpustakaan Keluarga. Projek ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhan sudut ruangan bacaan di rumah supaya kegiatan membaca menjadi aktiviti keluarga dan tabiat membaca dapat diamalkan di kalangan ahli keluarga.

Perpustakaan Negara Malaysia turut bekerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di dalam *Bengkel Pembacaan Melalui Wayang Kulit* dengan menyumbang sebanyak RM20,000.00 untuk projek tersebut. Tujuan bengkel ini ialah untuk menggalakkan pembacaan melalui wayang kulit dan menambahkan pengetahuan mengenai warisan kesenian masyarakat Malaysia.

◆ Pendaftaran Pembaca

Pada tahun 2000, seramai 56,028 orang telah mendaftar sebagai ahli Perpustakaan Negara Malaysia iaitu 46,493 dewasa, 3,503 kanak-kanak dan 6,032 keluarga. Seramai 769 pembaca berdaftar adalah warga negara asing. Jumlah kumulatif pembaca berdaftar dari tahun 1998 hingga 2000 ialah seramai 423,172 seperti di **Jadual X**.


Jadual X



◆ Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia memberi kemudahan pinjaman melalui perkhidmatan dari premis Perpustakaan Negara Malaysia, pinjaman pos, pinjaman berkelompok serta Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Pada tahun 2000, sebanyak 369,062 naskhah telah dipinjamkan seperti di **Jadual XI**. Daripada jumlah ini, sebanyak 362,688 naskhah dipinjam daripada premis Perpustakaan Negara Malaysia. 209,462 naskhah adalah dari koleksi dewasa dan 153,226 naskhah adalah dari koleksi kanak-kanak. Sebanyak 170 naskhah dipinjam melalui perkhidmatan pos, 6,204 naskhah dipinjam melalui pinjaman berkelompok dan sebanyak 798 permohonan pinjaman Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) telah dapat dipenuhi seperti di **Jadual XII**.

Jadual XI



◆ Bulan Membaca

Bulan Membaca yang disambut pada bulan Ogos merupakan antara aktiviti utama tahunan Perpustakaan Negara Malaysia. Setiap tahun pelbagai program dan aktiviti galakan membaca dijalankan untuk pembaca dewasa, belia dan kanak-kanak sebagai kempen berterusan di peringkat kebangsaan untuk memupuk tabiat suka membaca di kalangan masyarakat.

Aktiviti

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Bulan Membaca Ogos 2000 ialah:

- *Pameran Yang Pertama : Pencapaian Kebangsaan Negara* diadakan di Dewan Pameran, Perpustakaan Negara Malaysia, 1 – 30 Ogos 2000.
- *Bacaan Kegemaran Saya* – aktiviti ini merupakan satu program perintis yang bertujuan untuk mempopularkan pembacaan di kalangan rakyat Malaysia dengan menggalakkan penyertaan orang ramai untuk berkongsi pengalaman dan memberi pandangan mengenai buku kegemaran mereka. Sejumlah 27 sesi telah berjaya diadakan sepanjang Bulan Membaca dengan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan profesion termasuk penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, pensyarah, doktor dan pelakon.



Tan Sri Dato' Musa Bin Mohammad, Menteri Pendidikan diiringi Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia membuat tinjauan pameran sempena Bulan Ogos Bulan Membaca, 2000.

- *Wacana Pemikir Membangun Tradisi Intelektual di Malaysia : Antara Realiti dan Cabaran*, anjuran Kumpulan Utusan Malaysia dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, 16 Ogos 2000, Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia .

Jadual XII
Jumlah Bahan Bacaan Yang
DiPinjam 1998-2000

Kategori \ Tahun	1998	1999	2000
PUSAT	390,214	430,508	362,688
POS	260	367	170
KELOMPOK	3,201	10,540	6,204
SPP	1,254	1,064	798

● Seminar

- *Seminar Penerbitan : Ke arah Pemantapan Kualiti Terbitan Kerajaan*, 23 Ogos 2000, Bilik Syarahan, Perpustakaan Negara Malaysia.
- *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu* anjuran bersama Dewan Bahasa & Pustaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Negara Malaysia, 24 dan 25 Ogos 2000, Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia.
- *Seminar Pemantapan Kompetensi Pustakawan Dalam K-Ekonomi*, 28 Ogos 2000, Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia.

- **Ceramah**

- *Pengucapan Awam*, 15 Ogos 2000
- *Building a Nation of Readers*, 20 Ogos 2000

- **Bengkel**

- Bengkel *Pembacaan Melalui Wayang Kulit* dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah diadakan 2 kali, iaitu:
 - 5 & 6 Ogos 2000, Taman Budaya, Ipoh, Perak.
 - 13 & 14 Ogos 2000, Auditorium, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
- Bengkel *Meneroka Alam Multimedia*, 6 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Creative Story Writing*, 4 & 25 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Bengkel Mental Arithmetik*, 6 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Bengkel Bahasa Isyarat*, 6 & 13 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Bengkel Melukis Kartun*, 12 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Penghayatan Puisi Melayu*, 12 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Permainan Teka Silangkata*, 20 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia
- *Creating Knowledge Workers in Public Service : A Practical Approach To Information Searching*, 21 Ogos 2000, Perpustakaan Negara Malaysia

- **Pertandingan**

Pertandingan Mendendang Syair Jawi Lama (remaja), telah diadakan pada 26 Ogos 2000 bertempat di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menanamkan minat membaca karya tradisi dalam bentuk manuskrip Melayu di kalangan remaja berusia 16 hingga 20 tahun. Seramai 20 orang peserta telah menyertainya.

- ◆ **Kem Komputer**

Kem Komputer 2000 telah diadakan pada 12 - 17 November 2000 bertempat di Pusat Sumber Hipermedia. Ia adalah anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Syarikat ESSO di Malaysia. Kem komputer ini merupakan kem yang kelima diadakan dengan pembiayaan Syarikat ESSO Malaysia. Kem ini bertujuan meningkatkan kadar celik komputer di kalangan kanak-kanak sekolah dengan memberikan mereka pendedahan dalam penggunaan komputer. Seramai 25 orang kanak-kanak berumur antara 10 tahun hingga 12 tahun telah dipilih dari Sekolah Rendah Kebangsaan Pengkalan Tereh, Kluang, Johor.

PENDOKUMENTASIAN DAN PANGKALAN DATA

■ PENDOKUMENTASIAN

Sejumlah 10,870 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam dan luar negara telah dikatalog. Bahan yang telah diproses untuk rujukan dan pinjaman pembaca berjumlah 13,057 judul terdiri dari 23,017 naskah iaitu 16,956 naskah bahan Malaysiana dan 6,061 naskah bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 1,363 kertas kerja daripada 219 persidangan/seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dalam pangkalan data indeks, PANCARAN MENTARI.

Di bawah perkhidmatan Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan (PDP), Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan sebanyak 1,831 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia. Judul-judul ini telah dipromosikan melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan pemilihan/perolehan oleh perpustakaan dan makluman orang ramai. Sehingga akhir tahun 2000, seramai 555 penerbit tempatan telah menyertai perkhidmatan ini dan 43 daripadanya merupakan penerbit baru.

◆ Pengkatalogan dan Pengkelasan

309 judul terbitan bersiri telah dikatalog dan dikelas.

◆ Pengindeksan Majalah Dalam Negara

282 judul majalah tempatan telah dikesan mengandungi artikel-artikel penting dan sebanyak 7,194 artikel telah diindeks dan boleh dicapai secara atas talian.

◆ Pengindeksan Majalah Bukan Rumi

17 judul majalah tempatan dalam bahasa Cina, Tamil dan Jawi telah dikesan mengandungi artikel-artikel penting dan sebanyak 650 artikel telah diindeks.

◆ Pengindeksan Majalah Luar Negara

48 judul majalah luar negara telah dikesan mengandungi artikel-artikel penting mengenai Malaysia dan sebanyak 369 artikel telah diindeks.

■ PANGKALAN DATA

Di akhir tahun 2000, pangkalan data atas talian Perpustakaan Negara Malaysia yang boleh dicapai melalui Sistem Virginia Technical Library System (VTLS) ialah:

- ◆ BINAR yang mengandungi 278,154 rekod bibliografi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- ◆ *BIBLIOGRAFI NEGARA MALAYSIA* mengandungi 40,904 rekod bibliografi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*.
- ◆ *PANCARAN MENTARI* mengandungi 41,524 rekods indeks seperti berikut:
 - 32,710 rekod indeks artikel dari majalah terbitan negara mulai tahun 1997,
 - 6,673 rekod indeks kertas kerja persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia mulai tahun 1997; dan
 - 2,141 rekod indeks artikel mengenai Malaysia yang diterbitkan dalam majalah dan suratkhbar luar negara mulai tahun 1997.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil langkah untuk melaksanakan projek-projek ICT yang berbeza bagi tujuan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat, khususnya maklumat mengenai Malaysia.

■ Rangkaian Komputer Setempat (LAN)

Perpustakaan Negara Malaysia telah menyelenggara dan mempertingkatkan keupayaan Rangkaian Komputer Setempat (LAN) seperti berikut:

- Menyusun semula 12 lokasi di dalam bangunan
- Menanda lokasi *port* dan menggantikan kabel yang rosak
- Menyusun semula rak rangkaian, *switches*, hub dan kabel
- Membeli perisian pengurusan LAN
- Menyediakan dokumentasi untuk LAN

■ Listserve Kumpulan Perbincangan

Jumlah ahli kumpulan perbincangan atas talian telah bertambah dan sehingga tahun 2000 jumlah ahli dalam tiap-tiap kumpulan perbincangan adalah seperti berikut:

- 89 ahli di dalam listserve GUNASAMA
- 20 ahli listserve Perpustakaan Awam Negeri
- 28 ahli listserve PERPUN
- 16 ahli listserve DIGILIB.

■ Khidmat Nasihat Pengkomputeran

Sepanjang tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah memberikan khidmat nasihat pengkomputeran kepada orang perseorangan dan perpustakaan berikut:

- Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Islam Antarabangsa
- Penuntut Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Islam Antarabangsa
- Encik Khaled Alsabbagh dari U.A.E
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
- Universiti Malaysia Sabah.

■ Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

Projek sistem PERDANA merupakan satu projek usaha sama di kalangan sektor perpustakaan yang terdiri dari Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan akademik, perpustakaan khusus, perpustakaan awam dan perpustakaan institusi penyelidikan; Multimedia Development Corporation (MDC); dan Telekom Malaysia. Projek ini bertujuan untuk mengengahkan sumber ilmu digital tempatan yang dibentuk atau dilanggan oleh perpustakaan supaya sumber ilmu tersebut mudah dicapai dan digunakan oleh masyarakat Malaysia. Sebuah portal khusus iaitu *MyLib* telah dibangunkan bagi tujuan pengumpulan sumber ilmu seperti pangkalan data atas talian komersial, tesis, katalog perpustakaan, abstrak, indeks serta sumber khusus lain. Laman web ini boleh diakses di alamat URL <http://www.mylib.com.my/>. Perasmian laman web *MyLib* telah diadakan di Cyberview Lodge, Cyberjaya pada 27 Jun 2000 oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

■ Pembinaan Pangkalan Data Direktori Perpustakaan Di Malaysia

Projek ini telah dimulakan pada bulan Mei tahun 2000 dan dijangka selesai pada Disember 2001. Ia bertujuan untuk membina satu pangkalan data bagi menyimpan maklumat mengenai setiap perpustakaan yang terdapat di Malaysia.

■ Projek Rangkaian Perpustakaan Digital Islam Kebangsaan

Projek ini bertujuan untuk membangunkan sebuah laman web yang mengumpulkan sumber maklumat Islam. Sebanyak 9 institusi terlibat dalam projek kerjasama ini iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Multimedia Development Corporation (MDC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Arkib Negara serta Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC).

■ Pembinaan Kandungan Tempatan

Perpustakaan Negara Malaysia telah dilantik sebagai penyelaras bagi projek pembinaan kandungan tempatan di bawah Skim Geran Aplikasi Penunjukcara (DAGS-NITC) yang bertempat di MIMOS Berhad. Sebanyak enam buah perpustakaan telah dipilih untuk melaksanakan projek perintis ini. Projek Perpustakaan

Negara Malaysia iaitu *Raja Kita* dan *Lagenda Tuah* adalah antara yang terpilih sebagai projek perintis. Projek ini dijangka akan diperluaskan di peringkat negara.

■ Projek Multimedia Kandungan Tempatan - Sejarah Malaysia

Projek Multimedia Kandungan Tempatan **Sejarah Malaysia** bertujuan mengenengahkan maklumat berkaitan sejarah negara dalam bentuk digital. Projek ini menyediakan maklumat asas mengenai sejarah Malaysia yang perlu diketahui oleh setiap rakyat. Ia bertujuan menyokong keperluan ilmu dan maklumat kurikulum sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Topik sejarah yang dibangunkan dalam projek ini meliputi sejarah negara, tokoh-tokoh negara, asal-usul nama tempat, tempat-tempat bersejarah, bangunan warisan sejarah, penyohor nama Malaysia dan sejarahwan negara.

■ Projek Penerbitan Multimedia *Lagenda Mahsuri*

Dalam usaha memperkayakan kandungan digital tempatan, Perpustakaan Negara Malaysia telah memperoleh hak cipta bagi sebuah lagenda Melayu klasik iaitu *Lagenda Mahsuri* dan menerbitkan semula dalam bentuk Multimedia bagi pembacaan golongan kanak-kanak. Terbitan ini yang dihasilkan oleh Syarikat Mektoon Sdn. Bhd. berjudul *Mahsuri: sebuah cerita animasi lagenda Melayu klasik kanak-kanak*. Multimedia ini bukan sahaja menarik dari segi persembahannya sebagai sebuah cerita kanak-kanak, malah ianya merupakan satu bahan pembelajaran untuk kanak-kanak menambah ilmu pengetahuan mengenai alam sekeliling dan juga menambah kekayaan perbendaharaan kata (*vocabulary*).

■ Pendigitan

Projek pendigitan bahan perpustakaan dimulakan dengan terbitan Jabatan sendiri iaitu :

◆ Laporan Tahunan

Projek pendigitan Laporan Tahunan PNM dari tahun 1966 sehingga 1970 telah siap dijalankan. Ianya akan diteruskan bagi terbitan tahun selanjutnya.

◆ Pustaka (Buletin Perpustakaan Negara Malaysia)

Sebanyak sebelas (11) keluaran Pustaka dari tahun 1994 hingga 1999 telah siap dipindahkan ke dalam bentuk digital.

◆ Koleksi/Aktiviti Jabatan

- Projek pendigitan koleksi gambar dan penulisan mengenai pameran **Sirih Pinang** yang diadakan pada 19 Jun 1996 telah berjaya disiapkan.
- Keratan akhbar berkaitan Perpustakaan Negara Malaysia daripada enam (6) akhbar harian tempatan bagi tahun 1994 – 1999 telah diimbis dan kerja-kerja pengindeksan sedang dijalankan.
- **Hukum Kanun Melaka** merupakan salah satu judul dari koleksi Manuskrip Melayu PNM telah berjaya ditukarkan kepada format digital.




Multimedia *Lagenda Mahsuri*.

PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Perpustakaan Negara Malaysia menjalankan aktiviti pemuliharaan dan reprografi dalam usaha memelihara koleksi sumber ilmu khazanah negara yang terakam secara terancang untuk kegunaan masa kini dan akan datang. Pemuliharaan merangkumi aktiviti penyelenggaraan sumber perpustakaan, penjilidan buku, kertas kerja seminar dan majalah, aktiviti pengawetan manuskrip Melayu dan bahan nadir serta aktiviti penukaran format dari bahan bercetak ke dalam bentuk mikrofilem bagi suratkhbar, manuskrip Melayu dan bahan nadir. Jumlah bahan tersebut yang berjaya diawet, dijilid dan dimikrofilem adalah seperti di **Jadual XIII**.

Jadual XIII



■ Aktiviti Pemuliharaan

Jabatan ini berusaha bagi menyelamatkan koleksi manuskrip Melayu dan bahan nadir daripada rosak dan musnah melalui aktiviti pemuliharaan dan pengawetan.

◆ Pengawetan Manuskrip Melayu

Bagi tahun 2000, sebanyak 151 bahan manuskrip Melayu telah diwasap secara kontrak luar bagi mencegah serangan fungus dan makhluk perosak lain.

Jabatan telah memberi tumpuan kepada bahan manuskrip Melayu yang telah rosak teruk, rapuh dan hampir reput melalui pengawetan secara pembaikan tradisional sebanyak 1,041 helai, pembaikan secara tisu 418 helai dan 796 helai secara pembaikan leafcasting. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang diawet sebanyak 2,357 helai. Keadaan fizikal bahan

yang terlalu uzur telah menyebabkan pencapaian pengawetan bahan manuskrip ini menurun sebanyak 17% jika dibanding dengan pencapaian pada tahun 1999. Namun demikian, hasil kerja akhiran proses ini iaitu jilidan bahan manuskrip Melayu yang memerlukan kemahiran dan ketelitian secara *full bound*, telah meningkat sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya.

◆ Pengawetan Bahan Bercetak (nadir)

Jumlah bahan bercetak nadir yang diawet dan menerima pembaikan adalah sebanyak 11,911 helai. Pencapaian ini menurun sebanyak 4% jika dibandingkan dengan pencapaian tahun 1999 iaitu sebanyak 12,393 helai. Ini adalah disebabkan tumpuan utama diberi kepada penjilidan buku nadir. Sebanyak 945 naskah buku nadir telah dijilid iaitu peningkatan sebanyak 4% jika dibandingkan dengan tahun 1999. Penjilidan buku bahan nadir memerlukan tumpuan dan ketelitian bagi menjaga kualiti hasil jilidan.

■ Aktiviti Reprografi

Walaupun teknologi silih berganti bagi tujuan penyimpanan maklumat, namun Jabatan ini masih mengekalkan usaha pemuliharaan bahan secara mikrografik di mana format ini telah terbukti keutuhannya. Bagi tahun 2000, sebanyak 61,607 kaki mikrofilem bagi surat khabar tempatan telah disediakan sebagai langkah pemuliharaan dan untuk rujukan pembaca. Ianya meningkat sebanyak 1.8% jika dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 1999 iaitu sebanyak 60,501 kaki. Pada tahun 2000, pelbagai program dan aktiviti termasuk pameran yang telah diadakan oleh Jabatan telah dirakam dalam bahan rakaman oleh Jabatan telah dirakam dalam bahan rakaman gambar foto iaitu sebanyak 3,064 keping.

■ Aktiviti Penjilidan

Sebanyak 3,914 naskah bahan telah dijilid di mana 1,494 naskah dijilid secara kontrak luar. Ianya merangkumi buku, majalah dan kertas seminar.

PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

PRASARANA PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab memastikan pembangunan infrastruktur perpustakaan awam di seluruh negara. Tugas ini diperuntukkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1987 (Pindaan)* Bahagian II para 4(2)(h) dan 4(2)(i). Pada tahun 2000, beberapa projek pembangunan infrastruktur perpustakaan telah dilaksanakan meliputi Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan awam negeri.

◆ Projek Perpustakaan Negara Malaysia

Sebanyak RM7,092,800.00 telah disediakan di bawah peruntukan Perpustakaan Negara Malaysia bagi melaksanakan projek seperti berikut:

- Bangunan Perpustakaan Negara
- Peningkatan makmal pemuliharaan negara
- Program gerakan membaca kebangsaan
- Pemantauan projek pembangunan fizikal
- Pangkalan data dan rangkaian komputer
- Pembinaan koleksi Malaysiana

Dari peruntukan tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan sebanyak 59.17%. Sebanyak 4,942 naskah bahan perpustakaan telah diperolehi untuk koleksi Jabatan.

◆ Projek Perpustakaan Negeri

Dari peruntukan berjumlah RM5,150,000.00 yang disediakan untuk tahun 2000, sebanyak RM5,067,982.66 atau 98% berjaya dibelanjakan bagi projek perpustakaan negeri iaitu:

- Pengubahsuaian Bangunan Perpustakaan Negeri Perlis
- Pembinaan Perpustakaan Negeri Sabah
- Pembinaan Pustaka Negeri Sarawak

◆ Projek Perpustakaan Cawangan

Projek yang dilaksanakan pada tahun 2000 melibatkan pembinaan bangunan baru perpustakaan cawangan dan pengubahsuaian serta mempertingkatkan bangunan perpustakaan cawangan sedia ada.

Projek baru yang dirancang adalah seperti berikut:

- Perpustakaan Awam Cawangan Batu Pahat, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Cameron Highlands, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Pelabuhan Kelang



Perpustakaan Awam Cawangan Mersing, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor.



Perpustakaan Awam Cawangan Segamat, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor.

Sebanyak 20 projek dirancang untuk tahun 2000 dengan peruntukan RM16.66 juta. Dari jumlah ini sebanyak RM14.28 juta atau 86% telah dapat dibelanjakan bagi melaksanakan projek tersebut. Antara projek yang telah disiapkan ialah:

- Perpustakaan Awam Cawangan Baling, Kedah
- Perpustakaan Awam Cawangan Bentong, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Georgetown, Pulau Pinang
- Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Perpustakaan Awam Cawangan Kulim, Kedah
- Perpustakaan Awam Cawangan Marang, Terengganu
- Perpustakaan Awam Cawangan Merlimau, Melaka
- Perpustakaan Awam Cawangan Mersing, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Pontian, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Raub, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Segamat, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Seri Iskandar, Perak
- Perpustakaan Awam Cawangan Simpang Empat, Perlis

Peruntukan tambahan juga telah disediakan untuk perolehan perabot dan perbekalan komputer bagi melengkapkan lagi kemudahan di perpustakaan yang dibina. Projek yang telah menerima peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- Perpustakaan Awam Cawangan Kota Tinggi, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Muar, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Jeli, Kelantan
- Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson, Negeri Sembilan



Perpustakaan Awam Daerah Raub, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

◆ Projek Perpustakaan Pekan

Sebanyak RM879,600.00 telah disediakan bagi membina perpustakaan pekan dalam tahun 2000. 4 projek telah berjaya dibina seperti berikut iaitu:

- Perpustakaan Pekan Bandar Baru, Kedah
- Perpustakaan Pekan Mantin, Negeri Sembilan
- Perpustakaan Pekan Pulau Pangkor, Perak
- Perpustakaan Pekan Bagan Ajam, Pulau Pinang

Memandangkan tapak tanah agak sukar diperolehi, usaha telah dibuat untuk memperolehi rumah kedai 2 tingkat untuk dijadikan perpustakaan pekan. Contoh projek ialah Perpustakaan Pekan Bagan Ajam, Pulau Pinang.

■ Perpustakaan Bergerak Multimedia

Konsep perpustakaan bergerak telah dipertingkatkan kepada bas Perpustakaan Bergerak Multimedia selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat berpengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta membawa arus perkembangan ICT ke masyarakat luar bandar. Sebanyak 5 buah Perpustakaan Bergerak Multimedia telah mula dibina dalam tahun 2000. Perpustakaan ini akan diagihkan kepada Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Perpustakaan Awam Negeri Pahang, Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan Pustaka Negeri Sarawak. Sebanyak RM300,000.00 telah disediakan untuk pembinaan koleksi asas berserta bahan multimedia bagi 5 buah Perpustakaan Bergerak tersebut.

■ Perpustakaan Desa

Sebanyak 25 buah perpustakaan desa telah dilaksanakan di seluruh negara dalam tahun 2000 melibatkan peruntukan berjumlah RM1,298,900.00. Perpustakaan tersebut ialah:

◆ Johor

- Perpustakaan Desa Gemereh
- Perpustakaan Desa Parit Haji Ali
- Perpustakaan Desa Simpang 5 Darat
- Perpustakaan Desa Jorak, Muar

◆ Kedah

- Perpustakaan Desa Wang Tepus, Jitra
- Perpustakaan Desa Gajah Putih, Sik
- Perpustakaan Desa Paya Kerchut, Pendang

◆ Negeri Sembilan

- Perpustakaan Desa Air Kuning
- Perpustakaan Desa Bagan Pinang

◆ Pahang

- Perpustakaan Desa Pulau Tawar, Jerantut
- Perpustakaan Desa Kg. Luit, Maran
- Perpustakaan Desa Jambu Rias, Bentong
- Perpustakaan Desa Kg. Kerdau, Temerloh

◆ Pulau Pinang

- Perpustakaan Desa Bukit Gedung
- Perpustakaan Desa Juru
- Perpustakaan Desa Jelutong Tengah

◆ Selangor

- Perpustakaan Desa Taman Muhibah, Sabak Bernam
- Perpustakaan Desa Kg. Sg. Gulang-Gulang, Kuala Selangor

◆ Sarawak

- Perpustakaan Desa Kg. Triboh, Serian
- Perpustakaan Desa Kg. Antawau, Kapit
- Perpustakaan Desa Long Laput, Marudi
- Perpustakaan Desa Laut, Samarahan
- Perpustakaan Desa Moyan Laut, Samarahan
- Perpustakaan Desa Kg. Baru, Kota Samarahan
- Perpustakaan Desa Kg. Pahlawan, Limbang

■ Pusat Siber Ilmu

Pada tahun 2000, 13 buah Pusat Siber Ilmu telah dibina di desa. Pusat Siber Ilmu berkonsepkan perpustakaan desa yang mempunyai kemudahan serta memberi perkhidmatan yang berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di kalangan masyarakat desa. Pusat Siber Ilmu yang dibina adalah seperti berikut:

◆ Johor

- Perpustakaan Siber Bandar Penawar
- Perpustakaan Siber Felda Pemanis
- Perpustakaan Siber Felda Medoi

◆ Kedah

- Perpustakaan Siber Jalan Kuala Kedah

◆ Melaka

- Perpustakaan Siber Kampung Padang

- ◆ **Perlis**
 - Perpustakaan Siber Kampung Sentua, Utan Aji
- ◆ **Negeri Sembilan**
 - Perpustakaan Siber Air Kuning
 - Perpustakaan Siber Bagan Pinang
 - Perpustakaan Siber Serting, Jempol
- ◆ **Pahang**
 - Perpustakaan Siber Bukit Ibam, Rompin
 - Perpustakaan Siber Muadzam Shah
 - Perpustakaan Siber Lebar Chondong
- ◆ **Pulau Pinang**
 - Perpustakaan Siber Permatang Tinggi

■ Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia dengan Perpustakaan Awam Negeri

Dua mesyuarat telah diadakan pada tahun 2000 bagi membincangkan perkembangan dan kemajuan projek pembangunan di negeri khususnya yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat telah diadakan pada:

- 28 hingga 31 Mei 2000 di Pulau Langkawi, Kedah
- 23 Disember 2000 di Perpustakaan Negara Malaysia

Sempena mesyuarat tersebut, satu kertas kerja telah dibentangkan iaitu, *Ke Arah Pewujudan Pusat Kecemerlangan Negeri* oleh Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat, Pengarah, Pusat Penyerahan Negara.

KHIDMAT NASIHAT/PERUNDINGAN

Pada tahun 2000, khidmat nasihat dan perundingan telah diberikan kepada 29 buah perpustakaan dengan keutamaan kepada perpustakaan yang diketuai oleh Pembantu Perpustakaan (S7), Penolong Pegawai Perpustakaan (S5) dan perpustakaan Politeknik.



Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

8 daripada perkhidmatan yang diberikan adalah berdasarkan kepada permohonan daripada Kementerian/Jabatan berkenaan manakala 21 perkhidmatan adalah berdasarkan kepada jadual perancangan Bahagian Pembangunan.

Selain dari itu, sebanyak 11 buah perpustakaan dari Jabatan Kerajaan, badan berkanun, swasta, dan persatuan telah melawat Perpustakaan Negara Malaysia untuk mendapatkan khidmat perundingan/nasihat mengenai pelbagai aspek penubuhan perpustakaan. Institusi tersebut adalah seperti berikut:

- ◆ **Jabatan Kerajaan:**
 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
 - Institut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur
 - Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Hospital Kuala Terengganu



Lawatan oleh pegawai Perpustakaan Negara Malaysia ke UNIMAS, Sarawak.

- ◆ **Swasta/ Badan Berkanun / Persatuan:**
 - Kolej Kejururawatan Hospital Assunta, Petaling Jaya
 - Institut Terjemahan Negara Malaysia
 - Persatuan Sri Rama Krishna Sarada, Kuala Lumpur
 - Felda
 - Persatuan Sejarah Malaysia
 - Takaful Malaysia
 - Malaysian Industrial Estates Berhad

Antara Perpustakaan Khusus Gunasama yang telah mendapat khidmat nasihat pada tahun 2000 adalah seperti berikut :

- Hospital Ipoh, Perak
- Hospital Johor Bahru
- Hospital Kangar
- Hospital Melaka
- Hospital Sarawak
- Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang
- Institut Aminuddin Baki, Cawangan Kedah, Jitra
- Institut Kemahiran Belia, Tronoh, Perak
- Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
- Kementerian Perpaduan Negara



Puan Norpishah Mohd Noor dan Puan Musalmah A. Muiz semasa memberi khidmat nasihat dan perundingan di INFRA, Bangi.

- Kolej Matrikulasi Londang, Melaka
- Kolej Kejururawatan Johor Bahru
- Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, Kelantan
- Kolej Kejururawatan Kuching, Sarawak
- Kolej Kejururawatan Melaka
- Lembaga Racun Makhluq Perosak, Jabatan Pertanian
- Mahkamah Alor Setar
- Mahkamah Sesyen Butterworth
- Mahkamah Tinggi Sarawak
- Maktab Perguruan Perlis, Kangar
- Politeknik Kota Melaka
- Politeknik Kuantan, Pahang
- Politeknik Kuching, Sarawak
- Politeknik Pasir Gudang, Johor Bahru
- Politeknik Seberang Jaya, Pulau Pinang
- Politeknik Shah Alam
- Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Jitra, Kedah
- Politeknik Ungku Omar, Ipoh
- Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam

◆ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Pembantu Perpustakaan 2000

Mesyuarat ini telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia pada 8 Ogos 2000 dan telah dihadiri oleh seramai 115 orang Pembantu Perpustakaan. Sempena mesyuarat tersebut, dua ceramah telah diadakan iaitu:

- *Peranan Perpustakaan Khusus di Alaf Baru* oleh Encik Raslin Abu Bakar, Ketua Pustakawan INTAN.
- *Pengenalan kepada Sistem Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)* oleh Encik Mohd. Azri Ramli, Pustakawan, Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia.

◆ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Di Bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2000: Penolong Pegawai Perpustakaan

Mesyuarat ini telah diadakan di Pusat Remote Sensing Negara (MACRES), Kuala Lumpur, pada 14 September 2000. Seramai 40 orang Penolong Pegawai Perpustakaan telah menghadiri mesyuarat ini. Pada mesyuarat ini suatu ceramah bertajuk *Pengenalan Kepada Sistem Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)* telah disampaikan oleh Encik Zahuddin Sidek, Perpustakaan Negara Malaysia. Taklimat dan lawatan ke bahagian-bahagian di MACRES juga telah diadakan.

◆ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Ikhtisas 2000

Mesyuarat ini telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 25 September 2000. Seramai 36 orang Pustakawan telah menghadiri mesyuarat ini. Di mesyuarat tersebut, suatu taklimat mengenai *Sistem Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)*, telah disampaikan oleh Encik Zahuddin Sidek, Pustakawan, Perpustakaan Negara Malaysia dan perbincangan mengenai pelaksanaan *Sistem Pengurusan Ilmu (Knowledge Management)* juga telah diadakan.

◆ Persidangan Garis Panduan Perpustakaan Khusus : Ke Era Teknologi Maklumat

Persidangan ini telah diadakan pada 13 April 2000 bertempat di Sunway Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Persidangan ini bertujuan untuk membincangkan serta mendapatkan pandangan ke atas draf **Garis Panduan Perpustakaan Khusus** yang telah disediakan. Seramai 100 orang peserta terdiri dari Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan dari perpustakaan khusus di Kementerian/Jabatan Kerajaan, badan berkanun, dan swasta telah menghadiri Persidangan ini. Berbagai pandangan dan komen telah diberi sebagai input untuk memperkembangkan lagi draf Garis Panduan tersebut.

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menjalan dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan berkaitan perpustakaan, kepustakawanan, perkhidmatan maklumat, pembacaan dan literasi untuk pembangunan perpustakaan dalam negara.

Satu kajian untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kaunter Perpustakaan Negara Malaysia telah dijalankan. Kajian Tahap Kualiti Perkhidmatan Kaunter ini diadakan sempena sambutan Minggu O Jabatan yang diadakan pada 5 hingga 16 November 2000. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kualiti perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah pada tahap yang baik. Namun masih terdapat ruang untuk pembaikan dan peningkatan untuk mencapai tahap yang cemerlang. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa ketersediaan bahan di atas rak menjadi masalah utama yang perlu diatasi oleh Jabatan.

◆ Statistik Perpustakaan

Dalam tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengumpul data statistik berkaitan perpustakaan di Malaysia bagi tahun 1999.

Data statistik perpustakaan awam telah diterbitkan dalam *Buletin Perangkaan Sosial 2000* terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia. Data statistik ini juga dimasukkan dalam *Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 1999* seperti di **Jadual XIV**.

Statistik mengenai bilangan pengunjung, pendaftaran keahlian, tambahan koleksi dan perkhidmatan Perpustakaan Awam/Negeri telah disediakan sebagai *Laporan Statistik Perpustakaan Negara Malaysia 1999* bagi tujuan rujukan dan penyelidikan. Bagi laporan statistik Perpustakaan Awam Negeri yang telah dikumpulkan bagi tahun 1998 dan 1999, juga disediakan seperti di **Jadual XV**.

JADUAL XIV
BILANGAN PERPUSTAKAAN AWAM DI MALAYSIA
MENGIKUT NEGERI, 1998 – 2000

NEGERI	1998	1999	2000
Johor	68	76	75
Kedah	60	67	70
Kelantan	18	17	15
Melaka	22	25	28
Negeri Sembilan	21	28	28
Pahang	39	49	48
Perak	52	52	59
Perlis	15	18	24
Pulau Pinang	50	50	61
Sabah	74	82	79
Sarawak	288	283	285
Selangor	59	66	63
Terengganu	54	76	74
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9	12	11
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1	1
JUMLAH	770	902	921

**PERATUS BILANGAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI/PERPUSTAKAAN NEGERI
BERBANDING JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT NEGERI 1998-2000**

JADUAL XV

Negeri	1998			1999			2000		
	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%
JOHOR	2,611,600	135,970	5.21	2,670,700	127,033	4.76	2,731,500	129,746	4.75
KEDAH	1,554,800	122,283	7.86	1,579,800	184,509	11.68	1,605,200	290,943	18.13
KELANTAN	1,484,100	62,322	4.2	1,522,200	66,978	4.4	1,561,500	71,019	4.55
MELAKA	587,600	186,111	31.67	593,200	149,690	25.23	598,900	154,723	25.83
NEGERI SEMBILAN	823,400	119,245	14.48	836,500	130,883	15.65	849,800	139,186	16.38
PAHANG	1,264,800	41,838	3.31	1,291,500	45,690	3.54	1,319,100	41,486	3.15
PERAK	2,106,400	137,354	6.52	2,118,100	91,003	4.3	2,130,000	99,607	4.68
PERLIS	221,800	67,449	30.41	226,200	72,208	31.92	230,700	76,389	33.11
PULAU PINANG	1,234,400	66,083	5.35	1,246,800	90,712	7.28	1,259,400	116,540	9.25
SABAH	2,740,000	257,691	9.4	2,894,900	234,067	8.09	3,058,600	480,172	15.69
SARAWAK	1,990,200	328,715	16.52	2,027,100	442,746	21.84	2,064,900	343,904	16.65
SELANGOR	3,092,800	682,685	22.07	3,188,700	645,712	20.25	3,287,800	667,187	20.29
TERENGGANU	1,004,100	161,262	16.06	1,033,500	203,481	19.69	1,064,000	2,38,226	22.39
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1,390,800	58,322	4.19	1,407,200	68,075	4.84	1,423,900	75,732	5.32
LABUAN	72,900	2,912	3.99	75,500	3,957	5.24	78,200	8,010	10.24
JUMLAH	22,179,900	2,430,242	10.96	22,711,900	2,556,714	11.26	23,263,500	2,932,870	12.61

PERKHIDMATAN SOKONGAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah, seorang Pengarah Perkhidmatan Sokongan, 11 Pengarah Bahagian, 4 Ketua Bahagian dan Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada 2 program iaitu:

- Program Perkhidmatan Sokongan
- Program Pembangunan Perpustakaan & Perkhidmatan Maklumat

Terdapat 15 bahagian di Jabatan ini dan tiap-tiap bahagian diketuai oleh Pengarah Bahagian atau Ketua Bahagian. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan menjalankan 5 fungsi utama iaitu:

- Pentadbiran Am Jabatan,
- Perjawatan dan Perkhidmatan
- Kewangan
- Penyelenggaraan Bangunan
- Keselamatan Jabatan

■ Pentadbiran Am

Bahagian ini juga menjadi Urus Setia kepada beberapa aktiviti penting Jabatan seperti:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang,
- Minggu Kualiti
- Perhimpunan Bulanan
- Sambutan Maal Hijrah

■ Perjawatan dan Perkhidmatan

Di dalam tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 306 jawatan. Pembahagian jawatan adalah seperti di **Jadual XVI**.

Perkhidmatan utama Perpustakaan Negara Malaysia ialah **Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan** di mana Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia ialah Ketua Perkhidmatan perpustakaan di Jabatan Kerajaan. Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia dibantu oleh pegawai dan staf daripada Perkhidmatan Gunasama Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Gunasama Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama Kementerian Penerangan.

Jadual XVI

Kumpulan	Jawatan	Pengisian
Pengurusan Tertinggi	1	1
Pengurusan dan Profesional	77	64
Sokongan	228	191
JUMLAH	306	256

Di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan Negara terdapat 4 skim perkhidmatan iaitu:

- Pustakawan
- Pegawai Perpustakaan
- Penolong Pegawai Perpustakaan
- Pembantu Perpustakaan

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab menguruskan perlantikan, penempatan, pertukaran, pengesahan dalam jawatan dan pengesahan taraf berpcen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan persaraan staf Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dan stafnya dalam Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai dan staf yang ditempatkan di Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Jadual XVII**.

Jadual XVII

Jawatan	Bilangan
Pustakawan	56
Pegawai Perpustakaan	14
Penolong Pegawai Perpustakaan	47
Pembantu Perpustakaan	334
JUMLAH	451

■ Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai Pegawai Pengawal. Dalam tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi peruntukan berjumlah RM25,886,900.00 untuk Belanjawan Mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM25,522.018.42 atau 98.6% dari peruntukan tersebut. Peruntukan ini diagih-agih kepada bahagian-bahagian. Pengarah dan Ketua Bahagian bertanggungjawab mengurus peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu **Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara** yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Pindaan 1987). Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai 4 akaun amanah iaitu:

- Akaun Amanah Manuskrip Melayu,
- Akaun Amanah Projek Kemasyarakatan,
- Akaun Amanah Pembekalan Penerbitan dan
- Akaun Amanah Penyelidikan dan Latihan.

■ Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta iaitu Pensera Sdn. Bhd. yang dilantik secara kontrak. Kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut ialah:

- menyenggarakan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, sistem mekanikal dan sistem elektrik
- pembersihan di dalam bangunan dan
- kebersihan kawasan dan lanskap

Sepanjang tahun 2000, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja utama penyenggaraan iaitu memperbaiki bangunan, pengindahan kawasan dan meningkatkan lanskap. Jabatan juga telah menambahbaikkan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

■ Keselamatan Jabatan

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bertindak sebagai Urus Setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang di pengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan telah diadakan sebanyak 2 kali dalam tahun 2000 bagi menentukan keseluruhan kerja-kerja keselamatan. Jabatan telah menubuhkan 3 Jawatankuasa lain yang terletak di bawah Jawatankuasa Keselamatan Jabatan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Bomba
- Jawatankuasa Pelan Kontingensi
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Urusan kawalan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberikan kepada Syarikat Realforce Security Services Sdn Bhd, secara kontrak.

■ SISPEN

"Sistem Pengurusan Personel Jabatan" atau SISPEN telah mula diwujudkan semenjak tahun 1998 dan berjaya dilengkapkan pada tahun 2000. Sistem ini mengandungi beberapa modul yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan dan latihan/kursus personel Jabatan.

PROGRAM KUALITI

■ Pelaksanaan MS ISO 9002

Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya memperolehi Sijil MS ISO 9002 dalam tahun 2000 bagi aktiviti pengesanan, penerimaan, pendaftaran, pendokumentasian, penyenggaraan dan pemeliharaan serta ketersediaan untuk rujukan bahan-bahan yang diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986*. Pihak pengurusan dan pasukan pelaksana telah memberi komitmen sepenuhnya untuk mematuhi keperluan pelaksanaan MS ISO 9002. Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menerima pensijilan MS ISO 9002 pada 14 Disember 2000.

■ Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)

Audit Pematuhan ke arah pensijilan telah dijalankan pada 20 dan 21 November 2000. Dua orang



Perpustakaan Negara Malaysia berjaya menerima pensijilan MS ISO 9002 pada 14 Disember 2000.

Juruaudit dari MAMPU iaitu Puan Catherine Lee Fay Foon dan Encik Cheah Choon Aik telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan audit ini.

■ Latihan dan Lawatan

Latihan dan taklimat telah diadakan di Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pasukan pelaksana bagi prosedur MS ISO 9000. Latihan yang diberikan adalah seperti berikut:

- "*Perbincangan Penghayatan Pelaksanaan MS ISO 9000 Bagi Prosedur Kualiti Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat Terbitan Malaysia*" telah diadakan pada 23 November 2000
- "*Taklimat Penghayatan Pelaksanaan MS ISO 9000 bagi Urusan Pentadbiran dan Kewangan*" telah diadakan pada 8 November 2000

Pada 25 September 2000, satu lawatan ke Majlis Perbandaran Kuantan dan Hospital Tunku Ampuan Afzan, Pahang telah diadakan bagi meninjau dan berkongsi pengalaman berkaitan pelaksanaan MS ISO 9000 serta inisiatif kualiti yang dilaksanakan.

■ Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia 2000

Sambutan *Minggu Q* telah diadakan oleh Jabatan dari 14 sehingga 17 November 2000, iaitu sehari selepas Perasmian Majlis Sambutan Hari Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia pada 13 November 2000. Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Arshad bin Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan Minggu Kualiti tersebut diadakan adalah untuk menghayati dan memperkukuhkan lagi nilai budaya kerja yang berkualiti di samping memperbaharui azam dan semangat bekerja pegawai dan staf Perpustakaan Negara Malaysia.

Pembacaan *Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam* yang julung kali dibaca di Perpustakaan Negara Malaysia telah dipimpin oleh Dr. Haji Wan Ali bin Wan Mamat. Pada majlis ini juga, satu acara penyampaian buku *Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia* kepada Dato' Arshad bin Hashim telah diadakan dan dengan itu rasmilah penggunaan buku tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia.

◆ Persembahan Video Q bertajuk Lembaran Gemilang Perpustakaan Negara Malaysia

Persembahan *Video Q* yang berlangsung selama 18 minit telah dipaparkan pada Majlis Perasmian *Minggu Q*. Video ini mengandungi maklumat-maklumat mengenai kejayaan Perpustakaan Negara Malaysia dari segi infrastruktur, perkhidmatan dan sumber manusia di awal penubuhannya sehingga kini.

◆ Peraduan Mencipta Slogan Q, PNM

Aktiviti Peraduan Mencipta Slogan Q ini bertujuan untuk mencungkil idea dan pendapat yang bernas daripada warga Perpustakaan Negara Malaysia untuk mencipta slogan kualiti yang akan diterapkan sebagai budaya kerja.

Pertandingan mencipta slogan ini bermula pada 1 September 2000 dan tamat pada 30 September 2000. Sebanyak 21 penyertaan dengan 56 borang telah diterima dari warga Perpustakaan Negara Malaysia.

Slogan Q yang bertajuk *Komitmen Teguh Kualiti Utuh* yang diilhamkan oleh Encik Mohamed Paudzi bin Ismail dari Bahagian Terbitan Bersiri telah dipilih sebagai slogan yang terbaik bagi tahun 2000.

◆ Pertandingan Keceriaan Kaunter Perkhidmatan dan Bilik Kerja

Pengadilan bagi pertandingan keceriaan kaunter perkhidmatan dan bilik kerja telah diadakan 10 November 2000. Objektif Pertandingan ini adalah untuk mewujudkan suasana persekitaran yang ceria di kaunter perkhidmatan dan bilik kerja bagi memberikan keselesaan, ketenangan dan keseronokan kepada staf dalam menjalankan tugas.

Pemenang Pertandingan bagi Kategori Kaunter Perkhidmatan ialah *Bahagian Rujukan Malaysia* manakala *Bahagian Penyelidikan Perpustakaan* telah diumumkan sebagai pemenang bagi kategori bilik kerja.

◆ Peraduan Menulis Puisi Q

Peraduan Menulis Puisi Q telah dibuka kepada staf Perpustakaan Negara Malaysia. Objektif aktiviti ini ialah untuk memberi pengiktirafan kepada kreativiti warga Perpustakaan Negara Malaysia khususnya sumbangan pemikiran kepada peningkatan kefahaman mengenai kualiti dalam konteks Perpustakaan Negara Malaysia. Pemenang bagi Puisi Q ialah Encik Ishak Awang berjudul *Bicara Kualiti* dari Bahagian Khidmat Teknik.

◆ Forum Q

Forum Q ini telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia pada hari Selasa 14 November 2000 dengan tema *Penerapan Nilai Kualiti Dalam Budaya Kerja*. Forum ini telah dipengerusikan oleh Puan Zawiyah bt Baba, Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia manakala ahli-ahli panelnya terdiri daripada Tuan Haji Shahrudin bin Haji Abu Bakar dari Lembaga Tabung Haji, Encik Dzulkifli Sipon dari Perbadanan Produktiviti Negara dan Encik Mohammed Ismail dari INTAN. Objektif aktiviti ialah untuk memberi pendedahan, ilmu pengetahuan dan kefahaman berkaitan kepentingan penerapan nilai kualiti dalam budaya kerja.

◆ Wacana Kumpulan Sasaran Sempena Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia

Focus Group Interview ini telah diadakan pada 15 November 2000 di Bilik Mesyuarat Lembaga Aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia pada jam 9.30 pagi sehingga 1 petang.

Aktiviti *Focus Group Interview* ini dipengerusikan oleh Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perpustakaan Negara Malaysia yang menjadi ahli berdaftar.

Aktiviti ini juga telah dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian Perpustakaan Negara Malaysia. Satu *Interview Schedule* yang mengandungi 12 soalan mengenai isu-isu seperti peranan Perpustakaan Negara Malaysia, koleksi dan pengaksesannya, kualiti perkhidmatan kaunter, pengaksesan kepada sumber maklumat elektronik serta isu pemasaran dan promosi, telah dibincangkan.

Forum ini memberi peluang kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia bersemuka dengan pembaca dari pelbagai latar belakang pekerjaan untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap pelbagai isu berkaitan perkhidmatan yang disediakan.

Pandangan ikhlas ahli panel berkaitan kekuatan dan kelemahan berhubung perkhidmatan kaunter, kakitangan, koleksi, bangunan dan susun atur dan sebagainya dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan dan semangat bekerja.



Encik Abd. Rahim Bin Elias menerima anugerah khidmat cemerlang 1999 daripada Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

◆ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1999

Pada tahun 2000, seramai 14 orang pegawai dan staf Jabatan ini telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1999. Seramai 6 orang telah menerima anugerah pergerakan gaji kategori melintang dan 8 orang menerima anugerah pergerakan gaji kategori menegak. Senarai penerima pergerakan gaji seperti berikut:

KATEGORI MELINTANG	KATEGORI MENEGAK
● Dr. Haji Wan Ali bin Wan Mamat	● Encik Abd. Rahman bin Sudin
● Puan Chin Loy Jyoon	● Puan Hashimah bte Mohd. Yusof
● Encik Yusof bin Hussin	● Encik Azmi bin Abdul Rahman
● Encik Ibrahim bin Sabtu	● Cik Sum Thing
● Puan Roslina bte Abu	● Puan Sharifah bte Md. Kassim
● Puan Sofiah bte Ibrahim	● Cik Sarlina bte Abdullah
	● Encik Abd. Rahim bin Elias
	● Encik Serbaini bin Samad



Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 1999 bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Perkhidmatan Sokongan dan Setiausaha Bahagian Pentadbiran.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

■ Latihan

Bahagian Latihan bertanggungjawab untuk menyediakan program pembangunan sumber manusia di Perpustakaan Negara Malaysia bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua warga Perpustakaan Negara Malaysia dan staf di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Program ini termasuk pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran pegawai mengikuti kursus di dalam dan di luar negara, serta lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai di pelbagai institusi untuk menambah dan memperluaskan pengalaman mereka.

Dalam tahun 2000, tumpuan khas adalah dalam aspek penilaian kompetensi staf Perpustakaan Negara Malaysia dan staf di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Kursus serta latihan yang sesuai juga telah dijalankan bagi tujuan pengesahan dalam jawatan, mempertingkatkan kemahiran dan penggunaan ICT dalam pengurusan perpustakaan.

■ Kursus/Bengkel Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Sepanjang tahun 2000, sebanyak 13 kursus/bengkel dan 5 ceramah telah dapat dikendalikan untuk warga Perpustakaan Negara Malaysia bagi kumpulan pengurusan dan profesional. Kursus/bengkel dan ceramah yang diadakan adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama institusi luar seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan beberapa institusi latihan swasta. Bidang kursus yang ditawarkan merangkumi pelbagai perkara seperti komunikasi, pengurusan kewangan, pengurusan masa, pembangunan diri, penggunaan teknologi maklumat dan keselamatan. Seramai 539 orang pegawai iktisas telah menyertai program latihan berkenaan.

■ Kursus/Bengkel bagi Kumpulan Sokongan

Bagi Kumpulan Sokongan sebanyak 15 kursus/bengkel telah diadakan pada tahun 2000 yang merangkumi bidang perkara seperti motivasi, pemuliharaan bahan perpustakaan, sistem komputer dan kursus induksi. Seramai 283 orang peserta telah menyertai kursus/bengkel tersebut.



Peserta Kursus Pelan Strategik.

Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa berusaha bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan pemuliharaan sumber perpustakaan melalui aktiviti berkaitan pemuliharaan. Pada tahun ini, kursus asas *Workshop on Non-Invasive Restoration Techniques* diadakan pada 6 – 17 November 2000 di Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel ini telah dijalankan dengan kerjasama *Institute of Pathology of Books, Rome, Italy*. Ianya dihadiri oleh kakitangan dari perpustakaan khusus dan Perpustakaan Negara Malaysia.

■ Kursus/Seminar/Bengkel Luar Jabatan

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah menghantar seramai 134 orang peserta untuk mengikuti kursus/bengkel, persidangan dan ceramah yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta merangkumi berbagai aspek yang berkaitan dengan pengurusan berkualiti, sistem komputer, komunikasi, literasi, teknologi maklumat dan sebagainya. Selain daripada itu, seramai 11 orang pegawai pula telah berpeluang mengikuti kursus dan persidangan di luar negara.

■ Latihan Praktik dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima 13 orang pegawai dari dalam dan luar negara untuk mengikuti latihan praktik dan penempatan. Di antara institusi yang telah menghantar pegawainya ialah Politeknik Kota Kinabalu, Kementerian Pendidikan, Institut Kemahiran Mara, Kelab Taman Perdana DiRaja, Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kementerian Pertahanan dan Universiti Islam Antarabangsa.



Peserta MTCP : Basic Course for Library Assistants.

■ Program Kerjasama Teknik Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme)

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengendalikan satu kursus di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia bagi sektor perpustakaan iaitu *Basic Course For Library Assistants* dan satu program lawatan dan penempatan di bawah program *Library Visits/ Attachments*.

Kursus *Basic Course for Library Assistants* telah diadakan dari 3 hingga 22 Julai 2000. Seramai 19 orang pegawai dari negara Cambodia, Cook Islands, Egypt, Ethiopia, Malaysia, Myanmar, Nauru, Republic of Djibouti, Tanzania, The Republic of Sudan dan Vanuatu telah menghadiri kursus tersebut. Selain daripada kursus secara teori, peserta kursus juga telah dibawa melawat sambil belajar ke perpustakaan institusi pengajian tinggi, perpustakaan khusus Jabatan Kerajaan dan Perpustakaan Badan Berkanun.

Program *Library Visits/Attachments* telah diadakan pada 4 – 23 September 2000 yang dihadiri oleh pustakawan kanan dari negara membangun seperti Bahrain, Cambodia, Egypt, Kazakstan, Lao People's Democratic Republic, Malaysia, Morocco, Myanmar, United Arab Emirates dan Zambia, Nigeria.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai pengurusan pelbagai perpustakaan dan jenis perkhidmatan perpustakaan di Malaysia bagi peringkat ikhtisas.

■ Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2000, sebanyak 7 peperiksaan perkhidmatan untuk staf kumpulan sokongan telah diadakan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan dan juga kenaikan pangkat. Seramai 195 calon telah menduduki peperiksaan seperti berikut:

- Ujian Menaip (Kederaan 18 psm) bagi Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi) Gred N9 Bil. 1/2000 pada 7 Mac 2000 dan Bil. 2/2000 pada 26 September 2000

- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) Bagi Pembantu Perpustakaan Bil. 1/2000 pada 14 – 15 Ogos 2000
- Ujian Kederaan Menaip (untuk hadiah kenaikan) bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Bil. 1/2000 pada 11 Mei 2000
- Peperiksaan Khas Untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S5 pada 16 Ogos 2000
- Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S5 pada 17 Ogos 2000

■ PENDIDIKAN PENGGUNA

Perkhidmatan ini bertujuan untuk menggalakkan literasi maklumat iaitu kebolehan mengesan, mendapat dan mengguna maklumat. Pada tahun 2000, sebanyak 12 sesi pendidikan pengguna secara berjadual dan formal telah diadakan yang dikendalikan di bawah Bengkel Internet dan Pencarian Maklumat. Bengkel ini dihadiri oleh para pengguna yang terdiri daripada penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, guru, ibu bapa dan pekerja awam. Kandungan bengkel meliputi aspek pengenalan kepada jenis koleksi dan lokasinya, pengaksesan Sistem Katalog Atas Talian (SKAT) serta pangkalan data terbitan bersiri dan mengemudi Internet. Sebanyak 1,009 pengguna telah melalui sesi pendidikan SKAT yang sentiasa dijalankan secara tidak berjadual di sepanjang tahun 2000.

◆ Kursus Kumpulan Pengguna CDS/ISIS

Kursus Asas CDS/ISIS For Windows (winisis) telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada :

- 24 Januari hingga 26 Januari 2000
- 28 Februari hingga 1 Mac 2000

Kursus tersebut telah dikelolakan oleh Bahagian Latihan. Fasilitator bagi kursus tersebut ialah Encik Mohd Azri bin Ramli, Pustakawan, Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat. Kursus ini dihadiri oleh seramai 44 orang peserta dari Perpustakaan Negara Malaysia. Perisian tersebut telah diedarkan secara percuma kepada institusi sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela.



Bengkel Pemuliharaan oleh Kumpulan Pakar Daripada Itali.

PROMOSI

Aktiviti untuk memperkenalkan dan meningkatkan imej Perpustakaan Negara Malaysia diteruskan dengan pelbagai program perhubungan awam dan promosi melalui kerjasama dengan kedutaan luar negara, institusi swasta, badan berkanun dan jabatan kerajaan dalam aktiviti pameran, program galakan membaca, wawancara pegawai Perpustakaan Negara Malaysia melalui radio, televisyen dan majalah serta lawatan kerja.

■ Pameran

Usaha untuk mempromosi perkhidmatan perpustakaan dijalankan secara berterusan untuk memastikan pembaca dapat memanfaatkan sumber rujukan yang ada. Aktiviti utama yang telah dijalankan untuk mempromosi perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah pameran. Beberapa pameran telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia sepanjang tahun 2000 bagi mempromosi perkhidmatan yang disediakan iaitu:

◆ Pameran Rujukan Umum

Untuk mempromosi koleksi rujukan umum serta memberi kesedaran mengenai terbitan terbaru dan menarik di bawah topik tertentu, Bahagian Rujukan Umum telah mengadakan sebanyak 5 pameran yang bertemakan *Inventors, World Bank, Olympic Games, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Hari Kualiti* di sudut pameran Bahagian ini.

◆ Pameran Manuskrip Melayu

Sebagai langkah untuk memasyarakatkan manuskrip Melayu di kalangan orang awam, sebanyak 4 pameran telah diadakan di Bilik Penyelidikan, Pusat Manuskrip Melayu iaitu *Warkah, Puisi, Sastera Islam dan Manuskrip Perolehan Baru* yang terpilih.

Di samping itu, satu pameran telah diadakan di Ruang Pameran, Perpustakaan Negara Malaysia pada 6 – 30 Oktober 2000 bertemakan *Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang*. Untuk menarik minat pengunjung menghayati manuskrip Melayu yang dipamerkan satu kuiz telah diadakan sempena pameran tersebut.

Sebanyak 7 pameran telah dianjurkan untuk menarik minat orang ramai mengunjungi perpustakaan dan menggunakan perkhidmatannya di samping menambahkan ilmu pengetahuan mengenai bidang perkara tertentu. Pameran telah diadakan di ruang pameran, Aras 1, Anjung Malaysiana, kawasan di luar Auditorium dan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Di antara pameran yang diadakan ialah:

- ◆ Pameran *Chile Indigena* mulai 8 Jun 2000 sehingga 30 Jun 2000 dengan kerjasama Kedutaan Chile;
- ◆ *Pameran Penulis dan Karya* dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Pendidikan Sultan Idris sempena Persidangan Antarabangsa Pengajian Bahasa Melayu, mulai 24 Mei 2000 hingga 25 Mei 2000;
- ◆ *Pameran Mini Hasil Seni Tangan Pelajar Pra Sekolah* anjuran/ kerjasama Jabatan Pendidikan Negara Wilayah Persekutuan, pada 23 September 2000;
- ◆ *Pameran Inovasi Perpustakaan Di Rumah* sempena majlis sambutan Minggu Kualiti Jabatan, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ◆ *Pameran Yang Pertama ... Pencapaian Kebanggaan Negara*, 1 Ogos – 10 September 2000, Dewan Pameran, Perpustakaan Negara Malaysia. Pameran yang telah diadakan sempena sambutan Bulan Membaca Kebangsaan telah berjaya menarik seramai 4,125 pengunjung. Objektif pameran ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang pencapaian pertama negara dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, politik, ekonomi, bahasa dan kesusasteraan serta lain-lain. Pameran ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat akan pentingnya mengetahui sejarah negara supaya dengan ini dapat menanam rasa bangga dan cintakan negara.
- ◆ Pameran *Bangunan Perpustakaan Awam Negeri di Seluruh Negara* di Anjung Puisi, Perpustakaan Negara Malaysia.
Tujuan pameran adalah untuk memaklumkan kepada masyarakat mengenai rangkaian prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Pameran tersebut telah diadakan menjelang Bulan Membaca Kebangsaan tahun 2000.
- ◆ Pameran *Keranamu Malaysia*, 17 Ogos- 17 September 2000, Anjung Puisi, Perpustakaan Negara Malaysia.

Pameran ini telah diadakan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-44 dan telah menarik perhatian ramai pembaca kerana ia memaparkan sejarah ringkas kemerdekaan tanah air dan topik ini termasuk dalam sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Logo serta moto Hari Kebangsaan yang telah menjadi tema sambutan ulang tahun Kemerdekaan terdahulu hingga kini turut dipamerkan. Gambar Duli-Duli Yang Maha Mulia Yang diPertuan Agong serta Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang pertama hingga kesebelas turut dipamerkan untuk tatapan masyarakat terutamanya generasi muda.

■ Pelawat

Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima seramai 3,045 pelawat dalam tahun 2000 yang terdiri daripada institusi pelajar pengajian tinggi, sekolah dan maktab, jabatan kerajaan, badan swasta, badan berkanun, persatuan, pelancong dari dalam dan luar negeri, serta orang kenamaan dari kedutaan asing. Bagi menggalakkan lebih ramai pelawat mengunjungi perpustakaan, Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia mengambil langkah pro aktif dengan membuka semula perkhidmatan pada hari Isnin mulai jam 12.00 tengah hari sehingga 6.00 petang. Lawatan berpandu yang dikendalikan oleh pegawai Perpustakaan Negara Malaysia dan ahli sukarelawan dari Kelab Sahabat Perpustakaan Negara Malaysia didapati sangat berkesan dalam usaha memberi maklumat mengenai perkhidmatan perpustakaan kepada orang ramai. Senarai pelawat adalah seperti di **Jadual XVIII**.

■ Liputan Media Massa

Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat kerjasama pihak media massa sepanjang tahun 2000, di mana liputan dan rencana khas telah disiarkan di dalam suratkhbar dan majalah. Di antara topik yang diliputi ialah Hari Hakcipta Sedunia, pelancaran buku wartawan terkenal Pak Samad (A. Samad Ismail) bicara buku *Orang Biasa Diraja* oleh Y. Bhg. Dato' Hashim Sam Abdul Latiff, bekas Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia, sambutan Bulan Ogos Bulan Membaca dan upacara Majlis Penyerahan Koleksi Harvard kepada Perpustakaan Negara Malaysia oleh Harvard Club Malaysia.

Wawancara di radio dan televisyen telah diatur bagi promosi program *Bacaan Kegemaran Saya*, jadual dan aktiviti bulan membaca serta aktiviti remaja dalam Kelab Sahabat, iaitu pasukan sukarelawan Perpustakaan Negara Malaysia. Liputan media yang diperolehi didapati amat berguna untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk orang ramai. Liputan media ini telah dapat membuka ruang untuk orang ramai memberi pandangan dan maklumbalas terhadap perkhidmatan yang disediakan.



Lawatan Khas Mahasiswa Universiti of Oman, Oman ke Perpustakaan Negara Malaysia.

PELAWAT-PELAWAT KHAS PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA PADA TAHUN 2000

TARIKH	NAMA PELAWAT	INSTITUSI / ORGANISASI
Januari	Prof. Eisuke Naito Director of Science Information Research Division	National Centre for Science Information System, Japan (NACCIS)
	Y. B. Dato' Mahadzir Mohd Khir Setiausaha Parlimen	Kementerian Pendidikan Malaysia
Februari	Puan Zailan Rose Kamaruddin Programme Officer (Information and Documentation)	Asian-Pacific Resource & Research Centre for Women (ARROW)
	Mr. Masakazu Kuba Conservator of the Preservation Division	Acquisition Department the National Diet Library, Tokyo, Japan
Mac	Mr. Kiyota Yoshiaki	Japan Foundation, Kuala Lumpur
	Puan Wismaputri dan ahli-ahli Persatuan	Persatuan Penterjemah Orang Pekak Selangor dan Wilayah Persekutuan
April	Mr. R. Ramachandran Director National Library Board, Singapore	National Library Board, Singapore
	Puan Azizah Sidek Project Officer, CONSAL	National Library Board, Singapore
	Y.Bhg. Dr. Santoso Oetomo Kepala Perpustakaan	Perpustakaan Nasional Provinsi Riau, Indonesia
	Nyonya Wartini Pegawai Kanan	Perpustakaan Nasional Provinsi Riau, Indonesia
	Mr. Yoshiharu Kato Director of Japan Information Service	Kedutaan Jepun, Kuala Lumpur
Mei	Warmas HS Pegawai Kanan	Kedutaan Indonesia
Jun	Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid Pengerusi Kelab Harvard Malaysia	Kelab Harvard Malaysia
	Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad Menteri Pendidikan	Kementerian Pendidikan Malaysia
Julai	Y.Bhg. Datuk Dr. M. Jegathesan Ketua Pegawai Operasi	Sistem Hospital Awasan Taraf Sdn. Bhd. (SEHAT)
	Professor Dr. Sharifuddin Ahmed, Director National Library of Bangladesh	National Library of Bangladesh
Ogos	Dr. M.R. Rujaya Abhakorn Chairman	Implementing Committee Southeast Asian Consortium for Access and Preservation (SEACAP), University of Chiang Mai, Thailand
	Mr. Rashid Nasser Hilal Pensyarah Kanan	Sultan Qaboos University of Oman
	Mr. Hosne Ara Motahar Assistant Professor	Department of Archaeology, Jahangirnagar University, Savar, Dhaka, Bangladesh
	Dr. Marco T. Corbeso	Duta Ecuador
September	Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam Timbalan Dekan	Fakulti Sastera, Universiti Malaya
Oktober	Mr. David Lee Minister of Information and the Arts	Republic of Singapore
	Mr. K. Kesavapany	High Commissioner of Singapore
	Cik Kavita Kaur Sidhu Executive Director	Orbit United Sdn. Bhd.
November	Mrs. Monique Zaini Lajoubert	Paris

KERJASAMA PERPUSTAKAAN

PERINGKAT KEBANGSAAN

■ Kerjasama Kelab Harvard dan Perpustakaan Negara Malaysia

Koleksi Sudut Harvard merupakan koleksi sumber perpustakaan yang diperolehi hasil sumbangan Kelab Harvard Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia yang berjumlah RM250,000. Sumbangan ini telah diberikan secara berperingkat-peringkat dan digunakan untuk membeli bahan-bahan terbitan Harvard Business School dan Harvard University Press. Sehingga kini sumbangan yang diterima adalah sebanyak RM100,000. Sempena Majlis Pelancaran Sudut Harvard pada 5 Julai 2000, sebanyak RM50,000.00 lagi telah diserahkan untuk perolehan koleksi Sudut Harvard tersebut.

Sehingga kini koleksi yang terdapat adalah sebanyak 341 naskah monograf, 23 judul terbitan bersiri dan 13 judul bahan sumber media. Keutamaan bidang perkara koleksi ini adalah perniagaan dan pengurusan.

Selain daripada buku Malaysiana, koleksi Harvard yang diletakkan di Sudut Harvard, Aras 4, Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi kod warna kuning. Koleksi Harvard adalah bahan yang diperolehi melalui sumbangan dari Kelab Harvard Malaysia. Ia merangkumi buku, jurnal dan juga bahan sumber media.

■ Kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia

◆ Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat, Persatuan Pustakawan Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat Persatuan Pustakawan Malaysia bagi tahun 1999/2001. Jabatan diwakili oleh Encik Zahuddin Sidek dari Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat. Encik Zahuddin terlibat dalam membantu mengemaskini laman web Persatuan Pustakawan Malaysia.

◆ Jawatankuasa Kecil Mikrofon (SCOM)

Perpustakaan Negara Malaysia menjadi Urus Setia Jawatankuasa Kecil Mikrofon (SCOM) Persatuan Pustakawan Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini ialah:

- Menyediakan Katalog Induk Mikrofilem Suratkhbar yang terdapat di perpustakaan dan institusi di Malaysia
- Menyediakan senarai peralatan yang digunakan dalam proses pemikrofilem dan penyediaan mikrofilem

■ Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Majlis ini dan terlibat dalam pengendalian aktiviti galakan membaca untuk peringkat kanak-kanak. Di antara aktiviti tersebut ialah sesi bercerita sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 18 hingga 27 Ogos 2000.

■ Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia. Jawatankuasa Perpustakaan dan Maklumat, Persatuan Orang Buta Malaysia telah mengadakan mesyuarat pada 9 September 2000 di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah membincangkan usaha untuk menghasilkan buku Braille untuk kanak-kanak tahap 1 dan 2 dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

Pada 4 November 2000, Jawatankuasa Perpustakaan dan Teknologi Maklumat, Persatuan Orang Buta Malaysia telah mengadakan karnival Braille MAB 2000 di Dewan Besar, Kompleks MAB, Brickfields, Kuala Lumpur. Aktiviti yang dijalankan ialah :

- Peraduan Membaca
- Peraduan Mengarang
- Peraduan Menulis Rencana
- Peraduan Bercerita

Pertandingan tersebut diadakan bagi 3 kategori iaitu peringkat sekolah rendah, menengah dan dewasa. Dua orang pustakawan daripada Jabatan ini telah menjadi hakim bagi Peraduan Bercerita bagi peringkat sekolah rendah dan peraduan Membaca dan Menulis karangan bagi peringkat Dewasa.

■ Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pengerusi bagi Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK). Jawatankuasa ini dianggotai oleh perpustakaan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sarawak, Kementerian Penerangan, Kementerian Pertanian, Perpustakaan di Jabatan Perdana Menteri, Perpustakaan Penyelidikan Tun Haji Mohd. Fuad Stephens dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Di antara aktiviti JKKK dalam tahun 2000 ialah penerbitan *Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia* yang disediakan oleh Jawatankuasa Kecil Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia bagi tujuan memudahkan pengurusan terbitan kerajaan Malaysia dan menyeragamkan kaedah mengenalpasti terbitan tersebut. Terbitan ini merupakan panduan dan rujukan utama kepada agensi kerajaan yang mengeluarkan atau menerbitkan terbitan, dan perpustakaan/pusat maklumat serta agensi lain yang memiliki atau menyimpan terbitan kerajaan Malaysia.

■ Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam

Pada tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam dan Jabatan diwakili oleh Cik Nafisah bt Ahmad, Pengarah, Bahagian Khidmat Teknik. Pewujudan *data dictionary* yang standard bagi sektor awam penting bagi memudahkan komunikasi antara pengguna aplikasi yang berkaitan serta membantu dalam melaksanakan sistem maklumat yang bersepadu.

Jawatankuasa ini mewujudkan 6 kumpulan kerja, iaitu:

- Jawatankuasa Kerja I - Data Generic
- Jawatankuasa Kerja II - Sumber Manusia
- Jawatankuasa Kerja III - Pemantauan Projek
- Jawatankuasa Kerja IV - Tanah dan GIS
- Jawatankuasa Kerja V - Perakaunan dan Kewangan
- Jawatankuasa Kerja VI - Perdagangan

Wakil Perpustakaan Negara Malaysia juga menganggotai Jawatankuasa Kerja I (*Data Generic*). Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan *government-wide data dictionary*. Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia *Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia* digunakan sebagai salah satu rujukan oleh Jawatankuasa Kerja I.

■ Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN)

Bagi tahun 2000 Perpustakaan Negara Malaysia telah menghadiri 2 mesyuarat PERPUN pada 15 Mei 2000 dan 11 September 2000.

Perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

15 Mei 2000

- *Electronic Document Delivery System*
- Penyimpanan Tesis Sains Dan Teknologi/ Pangkalan Data Tesis

11 September 2000

- Projek Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)
- Konsortia pangkalan data komersial
- Penerbitan buku *Managing Academic/ University Library*

■ Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai Pusat Penyelaras Kebangsaan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Sejak sistem ini dilancarkan pada 2 Jun 1988, jumlah keahlian SPP telah meningkat kepada 384 ahli. Sebanyak 27 dari jumlah ini adalah ahli SPP yang baru menyertai sistem ini dalam tahun 2000. Pecahan kategori keahlian adalah seperti berikut:-

- Perpustakaan Jabatan Kerajaan (135 atau 35 peratus)
- Perpustakaan sektor Swasta (97 atau 25 peratus)
- Perpustakaan Akademik (62 atau 16 peratus)
- Badan Berkanun (59 atau 16 peratus)
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (31 atau 8 peratus)

■ International Standard Book Number (ISBN)

Sebagai Pusat Kebangsaan ISBN bagi negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah memberi sebanyak 11,542 nombor ISBN kepada judul baru monograf terbitan dalam negara. Sejumlah 357 penerbit baru telah mendaftar sebagai penerbit dalam register penerbit ISBN.

■ International Standard Serial Number (ISSN)

Sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bagi negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah memberi sebanyak 252 nombor ISSN kepada judul baru terbitan bersiri yang telah diterbitkan dalam tahun 2000.

PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA

■ Kerjasama UNESCO - Malaysia

◆ Kumpulan Pengguna CDS/ISIS di Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Pengedar Kebangsaan bagi perisian mikro CDS/ISIS yang dibangunkan oleh UNESCO mulai tahun 1989. Pada akhir tahun 1998, pihak UNESCO mengeluarkan perisian CDS/ISIS for windows (WINISIS version 1.31) dan versi DOS (version 3.08). Dalam tahun 2000 sejumlah 34 institusi telah menerima perisian ini.

■ Conference of Directors of National Libraries (CDNL)

Persidangan ke 27 CDNL (27th Meeting of the Conference of Directors of National Libraries) telah diadakan pada 16 Ogos 2000 di Hebrew University, Jerusalem, Israel. Perpustakaan Negara Malaysia tidak menghantar wakil bagi menghadiri persidangan ini oleh kerana masalah perhubungan.

■ Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO)

Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah menghadiri Persidangan ke 8 CDNLAO (8th Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania) yang diadakan pada 24 - 25 April 2000 di Singapura. Ianya dihadiri oleh 19 negara ahli di Asia dan Oceania. National Library Board Singapore terus dilantik untuk menjadi Urus Setia Persidangan sehingga mesyuarat akan datang.

■ Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)

Persidangan *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) XI* telah diadakan di Singapura pada 26 hingga 28 April 2000. Tema persidangan ialah *Stepping Into The New Millemium: Challenges For Librarians And Information Professionals*. Aktiviti Asia International Book Fair (AIBF) dan *Asia's First Trade Book Fair* dan *The International Library Expo (ILE)* telah diadakan sempena Persidangan tersebut.

Perpustakaan Negara Malaysia diwakili oleh 7 orang pegawai iaitu:

- Cik Shahar Banun Jaafar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- Puan Zawiyah Baba
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- Puan Norpishah Mohd. Noor
Pengarah Bahagian Pembangunan
Perpustakaan Negara Malaysia
- Tuan Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat
Pengarah Pusat Penyerahan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia
- Puan Saonah Shairi
Pengarah Bahagian Rujukan Umum
Perpustakaan Negara Malaysia
- Cik Norizan Osman
Pustakawan
Perpustakaan Negara Malaysia
- Puan Nor Obaidah Abidin
Pustakawan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sebanyak 7 kertas kerja dibentangkan pada dua sesi yang diadakan. Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah telah membentangkan kertaskerja berjudul *Quality Assurance in Libraries: Lessons from the Malaysian Experience*. Dalam mesyuarat Lembaga Eksekutif CONSAL XI yang diadakan pada 25 April 2000 di Singapura, persetujuan telah dicapai untuk menempatkan Sekretariat Tetap CONSAL XI di Singapura. Sekretariat ini bertanggungjawab bagi mengatur semua projek CONSAL. Malaysia diwakili dalam Lembaga Eksekutif CONSAL XI oleh :

- **Cik Shahar Banun Jaafar**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- **Puan Rashidah Begum**
Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia
- **Puan Zawiyah Baba**
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia terlibat dalam projek CONSAL bagi program latihan dalam pemuliharaan bahan perpustakaan. Selain dari itu, Perpustakaan Negara Malaysia diberi tanggungjawab sebagai Penyelaras Projek bagi latihan asas jilidan dan pembaikan ringan yang akan diadakan kelak. Penyelaras-penyelaras Projek CONSAL bagi Malaysia adalah seperti berikut:

- **Tuan Dr. Hj Wan Ali Wan Mamat**
Pengarah Pusat Penyerahan Negara
Projek Penterjemahan Bahan Undang-Undang Penyerahan
- **Puan Siti Zakiah Aman**
Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana
Projek Perkongsian Sumber dan Undang-Undang Penyerahan
- **Puan Carole Ann Goon**
Pengarah Bahagian Terbitan Bersiri
Projek Hakcipta
- **Puan Saonah Shairi**
Pengarah Bahagian Rujukan Umum
Pelaksanaan Web CONSAL
- **Cik Salbiah Mohamad Yusof**
Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Repografi
Projek Pengawetan dan Pemuliharaan
- **Encik Mohd. Azri Ramli**
Pemangku Pengarah
Projek Pelaksanaan TIARA bagi negara-negara ahli

■ **International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)**

Persidangan IFLA ke 66 (66th Council and General Conference) diadakan di Jerusalem, Israel dari 13 – 18 Ogos 2000. Tema persidangan ialah *Information for Cooperation: Creating the Global Library of the Future*. Perpustakaan Negara Malaysia tidak menghantar wakil bagi persidangan ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatic dengan negara Israel.

■ **Pusat Sumber Malaysia Di Luar Negara**

Tiga buah Pusat Sumber Malaysia telah ditubuhkan di luar negara iaitu di *University of Ohio, Athens, U.S.A*, di *Royal Institute of Linguistics and Anthropology (KITLV), Netherlands* dan di *University of Victoria, Wellington, New Zealand*. Kesemua Pusat Sumber Malaysia ini diwujudkan untuk menyokong Kursi Pengajian Melayu dan Kursi Tun Abdul Razak yang ditubuhkan serta pengajian mengenai Malaysia yang ditawarkan di institusi tersebut. Pada tahun 2000, sebanyak 285 bahan koleksi termasuk 79 rol mikrofilem yang mengandungi beberapa keluaran bulanan akhbar *The New Straits Times* bagi tahun 1999/2000 telah dihantar ke Pusat Sumber Malaysia di University of Ohio. Pusat Sumber Malaysia di KITLV Leiden telah menerima sebanyak 461 bahan koleksi termasuk 150 rol mikrofilem yang mengandungi beberapa keluaran akhbar *The New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*. Pusat Sumber Malaysia di University of Victoria, Wellington, New Zealand pula telah menerima sebanyak 250 bahan untuk menyokong penyelidikan mengenai Malaysia di Universiti tersebut.

■ **The Japan Foundation Library Support Programme**

Bagi tahun 2000, Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat sumbangan 57 naskhah bahan bacaan bernilai Yen 549,770 di bawah *The Japan Foundation Library Support Programme*. Sejalan dengan 'Dasar Pandang Ke Timur' kerajaan, bahan tersebut dapat membantu menambah koleksi perpustakaan tentang negara Jepun dan membantu memperkukuh koleksi rujukan Perpustakaan Negara tentang negara Timur Jauh.

PENERBITAN

■ Monograf


- Bacaan Kegemaran Saya/“My Favourite Read”, 2000
- Bibliografi koleksi Sudut Harvard, 2000
- Chile Indigena : Katalog Pameran, 2000
- *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, 2000
- Panduan Sumber Rujukan Malaysia = Directory of Reference Sources of Malaysia, 2000
- Skim Pengelasan Terbitan Kerajaan Malaysia disediakan oleh Jawatankuasa Kecil Skim Pengelasan Terbitan Kerajaan Malaysia, 2000.

■ Terbitan Bersiri

- Artikel Majalah/Suratkhbar Luar Negara Mengenai Malaysia, Bil. 1-7, 2000
- *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid 8,2000
- Laporan Tahunan=Annual Report 1999, 2000.
- Perkhidmatan Halaman Kandungan Majalah Terkini, Bil. 1-5, 2000
- Perpustakaan Negara Malaysia: Program Latihan 2001,2000
- Pustaka: Buletin Perpustakaan Negara Malaysia, bil. 1 2000 dan bil. 2 2000
- Sekitar Perpustakaan, bil. 30,2000 dan bil. 21, 2000

■ Cakera Padat Multimedia


- Cakera Padat Multimedia Mahsuri: Sebuah Cerita Animasi Lagenda Melayu Klasik Kanak-kanak
- Cakera Padat Multimedia Manuskrip Melayu: Pusaka Gemilang



Chilie Indigena : Katalog Pameran



Bibliografi Koleksi Sudut Harvard.



Buku Bacaan Kegemaran saya : Program Perintis.

PENULISAN

ARTIKEL

Zawiyah Baba dan Saonah Shairi

Perpustakaan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Dalam Masyarakat Berilmu: Cabaran dan Peluang. SEKITAR PERPUSTAKAAN, bil. 30,2000, ms. 4-11

Libraries And Life Long Learning In A Knowledge Society: Challenges and Opportunities. PROCEEDINGS OF THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON TEACHING AND LEARNING, 2000, ms. 1068-1080

Siti Aishah Sheikh Kadir

First Malaysian Children Nursery Rhymes in the Malay Language on Multimedia. SEKITAR PERPUSTAKAAN, bil. 30, 2000, ms 22-25.

Saonah Shairi Dan Zawiyah Baba

Perpustakaan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Dalam Masyarakat Berilmu: Cabaran dan Peluang. SEKITAR PERPUSTAKAAN, bil. 30,2000, ms. 4-11

Pengurusan Ilmu –Satu Laporan. SEKITAR PERPUSTAKAAN, bil. 31,2000, ms. 8-10

Libraries And Life Long Learning In A Knowledge Society: Challenges and Opportunities. PROCEEDINGS OF THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON TEACHING AND LEARNING, 2000, ms. 1068-1080

Musalmah Abd. Muiz

Laporan Persidangan Kebangsaan Garis Panduan Perpustakaan Khusus: Ke Era Teknologi Maklumat. SEKITAR PERPUSTAKAAN, bil.20, 2000, ms. 26-27

KERTAS KERJA

Shahar Banun Jaafar

Pengurusan Maklumat Kerajaan Di Era Kerajaan Elektronik. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Cabaran Pengurusan Maklumat Di Agensi Kerajaan: Ke Arah Merealisasikan Kerajaan Elektronik di Selangor pada 23 Mac 2000

Pembangunan dan Cabaran Perpustakaan Negara Malaysia Dalam Era Digital. Kertas kerja dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan di Skudai, Johor pada 25 Mac 2000

Roles of Libraries in the Information of National Knowledge and Information Infrastructure (NIKI). Kertas kerja dibentangkan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Kuala Lumpur pada 5 April 2000

Peranan Perpustakaan Dalam Memperkayakan Sumber Ilmu Untuk Sistem PERDANA dan Sumbangan Kepada K-Ekonomi dan K-Komuniti. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Perpustakaan Di Malaysia, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2000.

National Digital Library System Initiative in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Symposium on National Library of the World, Amerika Syarikat pada 23 – 26 Oktober 2000

Zawiyah Baba

Quality Assurance in Libraries: Lessons From the Malaysian Experience. Kertas kerja dibentangkan di 11th Congress of South East Asia Librarians (CONSAL XI), Singapura pada 24 – 28 April 2000

Sistem PERDANA – The Malaysian Digital Library Initiative: Concept and Implementation. Kertas kerja dibentangkan di 3rd Persidangan Third Digital Library Conference: Positioning the Fountain of Knowledge di Kuching, Sarawak pada 1-3 Oktober 2000

Nafisah Ahmad

Bibliografi Negara Sebagai Sumber Rujukan Warisan Negara. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Penerbitan: Ke Arah Pemantapan Kualiti Terbitan Kerajaan di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2000

Keperluan Fizikal dan Ruang Lantai. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Garis Panduan Perpustakaan Khusus: Ke Era Teknologi Maklumat di Sunway Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 13 April 2000.



Multimedia Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang.

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kelab Perpustakaan Negara Malaysia kini meniti usia 21 tahun. Kepimpinan Perpustakaan Negara Malaysia silih berganti atas sokongan dan mandat yang diberi oleh ahlinya. Aktiviti berjalan lancar atas komitmen Jawatankuasa Eksekutif dan ahli-ahli jawatankuasa kecil untuk dimanfaatkan oleh Ahli.

◆ Kepimpinan Kelab PNM 2000/2001

Kepimpinan Kelab PNM yang diterajui oleh barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang telah mendapat mandat daripada ahli-ahli Kelab terdiri daripada:

Yang DiPertua

Puan Zawiyah Baba

Naib Yang Dipertua

Puan Siti Zakiah Aman

Setiausaha Kehormat

Puan Jamilah Mohd. Sir

Pen. Setiausaha Kehormat

Puan Yuliza Yusof

(sehingga 31 Ogos 2000)

Cik Harleeza Abu Husin

(mulai 1 September 2000)

Bendahari Kehormat

Puan Hatipah Abdul Rahim

Ahli Jawatankuasa Eksekutif

Encik So'ot Mohamed Yasin

Encik Muhammad Musa

Puan Rihanun Md. Samin

Encik Mohd. Razalli Ahmad Termizi

Encik Zahuddin Sidek

Puan Arifah Hashim

◆ Keahlian

Pada tahun 2000, Kelab PNM telah mewujudkan Ahli Kehormat iaitu kategori baru bagi Kelab. Keahlian terdiri daripada bekas-bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan bekas Yang DiPertua Kelab PNM. Pewujudan kategori ini telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Wilayah Persekutuan pada 2 Oktober 2000. Sehingga akhir tahun 2000 terdapat 244 orang Ahli Biasa, 19 orang Ahli Bersekutu dan dua (2) orang Ahli Kehormat.

◆ Kegiatan

Aktiviti-aktiviti utama yang telah diadakan sepanjang tahun 2000 termasuk:

- Majlis Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri Kelab PNM telah diadakan pada 31 Januari 2000 di Dewan Pameran PNM. Majlis turut meraikan 30 orang warga tua dari Rumah Seri Kenangan Cheras, Kuala Lumpur. Satu sketsa Aidilfitri telah dipersembahkan oleh ahli-ahli Kelab PNM serta dendangan lagu-lagu Melayu asli oleh warga tua.



Kumpulan dikir Barat PNM membuat persembahan di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Meniti Jejak Membaharui Babak di Perpustakaan Negara Malaysia.

- Majlis Sambutan Maulidul Rasul 1421H peringkat Jabatan telah diadakan di Auditorium PNM pada 29 Jun 2000. Penceramah jemputan Ustaz Abdul Wahab Sakrani bin Ahmad dari Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diundang bagi menjayakan majlis.
- Pesta Ria PNM diadakan pada 9 Julai 2000 bertempat di tempat letak kereta di perkarangan PNM. Ianya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua ahli, keluarga dan pengunjung PNM.
- Pesta Sukan Tahunan PNM diadakan sepanjang bulan Ogos dan acara kemuncaknya diadakan pada 27 Ogos 2000 di Padang Asrama Tun Doktor Ismail, Kuala Lumpur.

- Buat julung kali, Kelab PNM menyertai Pesta Sukan dan Sukaneka Perpustakaan Awam SeMalaysia. Pesta sukan ini telah diadakan pada 1 hingga 3 September 2000 di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan.



Suasana kemeriahan di Gerai D'gotget semasa sambutan Hari Pesta Ria Perpustakaan Negara Malaysia.

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)

PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Puan Sri Zarina Fazle Hussein, isteri YB. Tan Sri Dr. Johari Bin Mat, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam acara congkak dan karom di Kejohanan Permainan Tradisional/*Indoor Game* anjuran PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan yang telah berlangsung pada 14 Oktober 2000. PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menjadi Johan dalam acara congkak.



Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : 03-2687 1700

Faks : 03-2692 7082

E-mel : pnmweb@www1.pnm.my



ISSN 0128-3170



9 770128 317 007